

REPRESENTASI BUDAYA ETNIK RUNGUS
MENERUSI EKPLORASI REKA BENTUK
“*SCULPTURE FURNITURE*”

NURHAFIZAH BINTI AMIR NORDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

REPRESENTASI BUDAYA ETNIK RUNGUS MENERUSI EKPLORASI REKA
BENTUK “*SCULPTURE FURNITURE*”

NURHAFIZAH BINTI AMIR NORDIN

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13/3/2023

Perakuan Pelajar:

Saya, NURHAFIZAH BINTI AMIR NORDIN, P20162002369 FAKULTI SENI, PERKOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk REPRESENTASI BUDAYA ETNIK RUNGUS MENERUSI EKPLORASI REKA BENTUK “SCULPTURE FURNITURE” adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROF MADYA DR. MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk REPRESENTASI BUDAYA ETNIK RUNGUS MENERUSI EKPLORASI REKA BENTUK “SCULPTURE FURNITURE” dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH STUDIO SENI.

13.03.2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

ASSC. PROF. DR. MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI
Associate Professor
Art & Design Department
Faculty of Art, Computing & Creative Industry
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: REPRESENTASI BUDAYA ETNIK RUNGUS MENERUSI
EKPLORASI REKA BENTUK "SCULPTURE FURNITURE"

No. Matrik / Matric's No.: P20162002369

Saya / I: NURHAFIZAH BINTI AMIR NORDIN
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13.03.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

ASSC. PROF. DR. MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI
Associate Professor
Faculty of Art, Computing & Creative Industry
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana berkat limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan penyelidikan studio seni ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah penyelia Prof Madya Dr. Mohd Zahuri Bin Khairani kerana beliau telah banyak berkongsi ilmu dalam membantu saya menyediakan penulisan penyelidikan ini. Segala nasihat, ilmu dan teguran yang diberikan telah mematangkan saya dan akan saya simpan segala ilmu yang telah dicurahkan. Saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ingatan teristimewa buat kedua ibu bapa saya iaitu Amir Nordin bin Abu Bakar dan Aishah binti Abdul Ghani kerana telah memberi kekuatan dan semangat sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada suami tercinta Muhammad Najib bin Mat Nasir dan anakanda Auni Maryam binti Muhammad Najib. Malah turut diingati rakan-rakan dan ahli keluarga yang lain.



ABSTRAK

Projek penyelidikan ini adalah bertujuan bagi menghasilkan reka bentuk perabot arca berdasarkan representasi daripada kesenian budaya etnik Rungus, di utara Sabah. Kajian ini menginterpretasikan semula imej daripada motif tradisional Rungus berdasarkan fenomena budaya dalam aktiviti sosial, sistem amalan dan kepercayaan, serta falsafah yang menjadi simbolik kepada reka corak yang terdapat pada motif Rungus. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan praktik studio dan ulasan kontekstual. Pemilihan teknik, penggunaan bahan, penstrukturan prinsip, dan elemen formal secara kreatif adalah mengikut inspirasi daripada rujukan karya-karya yang berkaitan dengan penyelidikan. Penerokaan idea terhadap aspek elemen budaya di daripada artis yang dirujukan ini turut melibatkan isu-isu budaya yang berkaitan aktiviti sosial masyarakat setempat, ikon dan simbol, serta karakter yang membentuk identiti menerusi pembentukan karya yang dihasilkan. Teori Budaya dan simbol digunakan sebagai panduan kontekstual yang menjadi asas kepada pembangunan kajian studio. Sumbangan daripada kajian ini adalah dapat mewujudkan rekaan yang novelti dan membawa keunikan budaya sebagai satu nilai estetika dalam prinsip reka bentuk perabot arca. Projek penyelidikan ini turut memberi impak dalam mewujudkan pengetahuan baru terhadap rupa asal motif tradisional kepada penghasilan konsep reka bentuk perabot arca berbentuk tiga dimensi. Projek kajian ini juga memberi suatu cadangan dengan mengangkat ketinggian nilai warisan daripada etnik minoriti yang akan dapat melestarikan keunikan budaya dalam konteks yang berbeza terutamanya dalam industri reka bentuk perabot yang artistik.





REPRESENTATION OF RUNGUS ETHNIC CULTURE THROUGH SCULPTURE FURNITURE DESIGN EXPLORATION

ABSTRACT

This study aims to produce a design of representative sculpture furniture in the exploration of Rungus ethnic art and culture, in Northern Sabah. This study, reinterprets images from traditional Rungus motifs based on cultural phenomena in social activities, practice and belief systems, as well as philosophies that become symbolic of the design patterns found on Rungus motifs. This study uses studio practice research methods and contextual commentary. The selection of techniques, the use of materials, structuring principles, and creative formal elements are inspired by the references of works that is related. The exploration idea from this reference artist involves cultural issues related to the social activities of the local community, icons and symbols, as well as characters that form identity through the formation of the work produced. Cultural theory and symbols are used as contextual guides that form the basis for the development of studio practice. The contribution of this study is to be able to create novel designs and bring cultural uniqueness as an aesthetic value in the principle of sculptural furniture design. This research project also has an impact in creating a new knowledge about the original appearance of traditional motifs to the production of three-dimensional sculptural furniture design concepts. This research project also provides a proposal by elevating the height of heritage values of ethnic minorities that will be able to preserve the uniqueness of culture in different contexts especially in the artistic furniture design industry.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xxiii
--------------------------	-------

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	---

1.1	Latar Belakang Kajian	1
-----	-----------------------	---

1.1.1	Motif Dalam Tenunan Etnik Rungus	18
-------	----------------------------------	----

1.1.2	Jenis Motif dan Makna	19
-------	-----------------------	----

1.1.3	Analisa Visual Aplikasi Asas Geometri Pada Motif Rungus	32
-------	---	----

1.2	Pernyataan Isu	40
-----	----------------	----

1.3	Objektif Kajian	44
-----	-----------------	----



1.4	Soalan Kajian	45
1.5	Garis Panduan Projek	45
1.6	Skop Kajian	48
1.7	Signifikasi Kajian	50
1.8	Kerangka Konseptual	53
1.9	Tinjauan Karya terdahulu	56
1.10	Perkembangan Projek Kajian	70
BAB 2	KONTEKS	76
2.1	Teori	76
2.1.1	Pengenalan	76
2.1.2	Teori Budaya	77
2.1.3	Interaksi Simbol Motif Dalam Masyarakat Rungus	81
2.1.4	Analisis Formalistik Dalam Konsep Simetri dan Geometri Bagi Motif Rungus	91
2.2	Artis Rujukan	101
2.2.1	Pengenalan	102
2.2.2	Penggunaan Elemen Budaya Sebagai Identiti Dalam Penghasilan Karya Oleh Pengarca Rujukan Byung Hoon Choi, Isamu Naguchi dan Peter Mabeo	100
2.2.3	Konsep Reka Bentuk Artistik Berdasarkan Perspektif Budaya Tradisional Oleh Pengarca Rujukan Mohd Sujak Hasbollah, Fernando Mastrangelo dan Mathias Bengtsoon	110

BAB 3	METODOLOGI	122
3.1	Pengenalan	122
3.2	Metodologi	123
3.2.1	K. Lee (2004) ‘Tiga Fasa Model Reka Bentuk Budaya’	125
3.2.2	Eksperimentasi Studio	125
3.2.3	Ulasan Kontekstual	127
3.2.4	Budaya dan Kesenian Etnik Rungus	128
3.3	Eksperimen	134
3.3.1	Eksperimen 1: Representasi Olahan Idea, Bahan dan Teknik Gabungan Imej Daripada Motif Rungus	134
3.3.2	Eksperimen 2: Eksplorasi Bentuk Motif Kepada Pembentukan Karakter Yang Lebih Kompleks	143
3.4	Fasa Pertama: Elemen Geometri Dan Simetri Dalam Pembentukan Karya	155
3.4.1	Karya Pertama	158
3.4.2	Karya Kedua	171
3.4.3	Karya Ketiga	184
3.4.4	Karya Keempat	198
3.5	Fasa Kedua: Imej Anthropomorph Etnik Rungus Dalam Pembentukan Karya	209
3.6	Fasa Ketiga: Reka Bentuk Kontemporari Perabot Arca Dengan Elemen Jalinan Daripada Motif Rungus.	222
3.6.1	Karya Pertama	225
3.6.2	Karya Kedua	236

3.7	Pameran Solo	245
-----	--------------	-----

BAB 4	KESIMPULAN	251
--------------	-------------------	-----

RUJUKAN		259
----------------	--	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jenis-jenis nama motif dan perlambangannya	19
1.2	Reka corak dan simbolisme dalam seni manik Rungus.	21
1.3	Analisis aplikasi asas geometri pada motif Rungus yang dijalankan oleh pengkaji.	34
2.1	Reka bentuk motif vinusak kapok.	94
2.2	Reka bentuk motif inompuling.	95
2.3	Adaptasi Teori Geometri oleh Martin G.E (1982) dan Cederberg. J (2004).	96
2.4	Imbangan simetri pada satu garisan paksi bagi motif-motif Rungus	99
3.1	Jenis motif dominan yang telah dipilih bagi tujuan eksplorasi.	132
3.2	Gabungan jenis-jenis motif bagi karya ketiga.	184
3.3	Gabungan dua jenis motif bagi karya keempat.	199

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Pakaian tradisonal wanita etnik Rungus: Banat-tapi Sumber: http://sabah.edu.my/itmr010/pakaian_banat_tapi.htm .	8
1.2	Tekstil tradisional bagi pakaian wanita etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).	10
1.3	Bahagian belakang pakaian tradisonal wanita etnik Rungus Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015)	11
1.4	Aksesori manik yang dipakai oleh kaum wanita etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).	13
1.5	Tekstil tradisional bagi pakaian lelaki etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).	14
1.6	Pakaian tradisonal lelaki etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).	16
1.7	Motif anthropomorph Rungus yang menggambarkan bentuk manusia Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011)	26
1.8	Motif Zoomorph Rungus menggambarkan bentuk buaya atau biawak. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011)	27
1.9	Motif zoomorph Rungus yang menggambarkan motif linimut (kumbang) Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011).	28

- 1.10 Motif zoomorph Rungus bentuk buaya, cicak, katak dan kumbang. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011). 29
- 1.11 Motif bertemakan objek umum- motif kawit Rungus. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011). 29
- 1.12 Motif phylloomorph Rungus yang menggambarkan elemen flora. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011). 30
- 1.13 Motif Geometri. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011). 31
- 1.14 Kerangka konseptual kajian pengkaji. 54
- 1.15 'Butterfly lighting', 3 dimensi ilustrasi, 2009, Solid Work, 21 x 29 cm. 55
- 1.16 'Coral Chair', 3 dimensi, 2009, ilustrasi Solid Work, 21x29cm. 58
- 1.17 Lakaran termos air inspirasi daripada pokok periuk kera, 2010, pensel putih dan pen hitam, 29.7 x 42 cm. 60
- 1.18 'Rhinoceros Chair', 2011, Gentian kaca dan besi rod, 130 x 40 cm. 62
- 1.19 'Arca Subang', 2007, gentian kaca, 200 x 25 cm. 66
- 1.20 'Beauty in Borneo Siri I', 2007, media campuran, 121 x 182 cm. 65
- 1.21 'Beauty in Borneo siri II', 2007, media campuran, 91 x 121 cm. 66
- 2.1 Klasifikasi warisan budaya Rungus diubah suai daripada Tugang (2011). 79

2.2	Komponen Kesatuan Organik. Sumber rujukan dari Orvick, O. G., et. Al (2009).	84
2.3	Imej Tiningulung representatif berdasarkan objek sebenar.	87
2.4	Imej Vinusak tidak representatif berdasarkan objek sebenar.	88
2.5	Kerangka kaedah analisis simetri Motif Rungus adaptasi daripada (Zakaria, R.M.A et al..2018)	91
2.6	Konsep pantulan komponen motif Rungus.	96
2.7	Translasi komponen motif Rungus.	97
2.8	Traditional Korean lacquer', 2016, lakuer tradisi di atas oak merah dan batu, saiz 16.25 x 47.25 x 23.25 inci.	101
2.9	'In one stroke', 2013, batu basalt, saiz 16.25 x 47.25 x 23.25 inci.	102
2.10	'Noguchi Table', 1944, kayu dan kaca, size 91 x 40 cm.	106
2.11	'Akari Light Sculptures', 1951, bahan daripada kertas, buluh dan besi, saiz 24 - 290 cm.	105
2.12	Arca Gabi-Gabi, 1951, bahan kepingan logam,	109
2.13	'Loma' dan 'Foro' kerusi tempat letak tangan.	110
2.14	'Loma' meja sisi	110
2.15	'The Lolla collection', dan 'Gill'2018, pu foam dan gentian polester.	111
2.16	'Drift Bench', 2016, Bahan paasir dan simen.	115
2.17	'Escape', 2017, Bahan paasir dan simen.	116

2.18	'Cellular chair', 2011, epoksi resin bersalut perak, 740x86 116 x860 mm.	
2.19	'Paper chair', 2010, papan kertas, 750x890x750 cm.	119
3.1	Mangavol atau tenunan baju etnik Rungus.	129
3.2	Kain tenunan Rungus	131
3.3	Proses aliran kerja reka bentuk pengkaji.	133
3.4	Transformasi imej, 2019. Pensel dan kertas, 21.5 x 29.5 cm.	136
3.5	Proses peniruan semula dengan menggunakan perisian Adobe Illustrator.	136
3.6	Proses manipulasi imej daripada motif asalan Rungus dengan menggunakan perisian Adobe Illustrator.	137
3.7	Proses pemotongan artboard dengan menggunakan teknik lasik.	138
3.8	Mock up 1, papan tanda, artboard, 2019.	140
3.9	Mock up 2, bangku, artboard, 2019.	140
3.10	Mock up 3, papan tanda artboard, 2019.	141
3.11	Mock up 4. Bangku, artboard, 2019.	141
3.12	Mock up 5. Papan tanda, artboard, 2019.	142
3.13	Mock up 6, kerusi, artboard, 2019.	142
3.14	Proses manipulasi imej menggunakan perisian Adobe Illustrator.	143
3.15	Mock up 1, kerusi dua tempat duduk, artboard, 2019.	146

3.16	Mock up 2, kerusi dua tempat duduk, artboard, 2019.	147
3.17	Mock up 3, kerusi dua tempat duduk, artboard, 2019.	148
3.18	Mock up 4, kerusi satu tempat duduk, artboard, 2019.	149
3.19	Mock up 5, kerusi satu tempat duduk, artboard, 2019.	150
3.20	Mock up 6, kerusi satu tempat duduk, artboard, 2019.	151
3.21	Mock up 7, kerusi satu tempat duduk, artboard, 2019.	152
3.22	Mock up 8, bangku panjang, artboard, 2019.	153
3.23	Mock up 9, bangku panjang, artboard, 2019.	154
3.24	Konsep pantulan komponen motif Rungus.	157
3.25	Lakaran idea 1 bagi karya 1, pen dan kertas, 2019.	159
3.26	Lakaran idea 2 bagi karya 1, pen dan kertas, 2019.	160
3.27	Lakaran idea 3 bagi karya 1, pen dan kertas, 2019.	161
3.28	Pantulan motif bunga pecah empat.	162
3.29	Lakaran idea 4 bagi karya 1, pen dan kertas, 2019.	163
3.30	Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 1, pandangan perspektif, perisian Maya, 2019.	163
3.31	Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 1, pandangan atas, perisian Maya, 2019.	164
3.32	Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 1, pandangan hadapan, perisian Maya, 2019.	164

3.33.	Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 1, pandangan perspektif dan manusia, perisian Maya, 2019.	165
3.34	Lukisan teknikal karya 1.	167
3.35	Proses pembangunan dengan teknik kimpalan besi.	168
3.36	Proses pemotongan dan kemasan pada karya.	168
3.37	Karya 1, pandangan perspektif, besi dan kayu, saiz: 34x77 inci, 2019.	168
3.38	Karya 1, pandangan atas, besi dan kayu, saiz: 34x77 inci, 2019.	168
3.39	Motif A iaitu Vinusak lambang kepada bunga hutan dan motif B iaitu Sinopung berbentuk piramid.	170
3.40	Lakaran idea 1 bagi karya 2, pen dan kertas, 2019.	172
3.41	Lakaran idea 2 bagi karya 2, pen dan kertas, 2019.	173
3.42	Lakaran thumbnail sketches bagi karya 2, pen dan kertas, 2019.	173
3.43	Lakaran idea 3 bagi karya 2, pen dan kertas, 2019.	175
3.44	Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 2, pandangan tepi, hadapan dan perspektif, perisian Maya, 2019.	175
3.45	Lukisan teknikal karya 2.	177
3.46	Proses pembangunan karya dengan teknik kimpalan besi.	178
3.47	Proses kemasan karya.	179
3.48	Karya 2 pandangan perspektif, 2019, besi dan kayu, 42 x 54 inci.	179

- 3.49 Karya 2 pandangan hadapan, 2019, besi dan kayu, 42 x 54 180 inci.
- 3.50 Karya 2 pandangan tepi, 2019, besi dan kayu, 42 x 54 inci. 182
- 3.51 Lakaran idea 1 bagi karya 3, pen dan kertas, 2019. 185
- 3.52 Lakaran idea 2 bagi karya 3, pen dan kertas, 2019. 186
- 3.53 Lakaran idea 3 bagi konsep akhir karya 3, pen dan kertas, 186 2019.
- 3.54 Ilustrasi Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 3, pandangan 187 perspektif dan atas, perisian Maya, 2019.
- 3.55 Konsep akhir 3 dimensi bagi karya 3, sudut pandang dan 188 manusia, perisian Maya, 2019.
- 3.56 Lukisan teknikal karya 3. 190
- 3.57 Proses pembangunan karya ketiga dengan teknik kimpalan 190 besi.
- 3.58 Proses kemasan pada bahagian tempat duduk bagi karya 191 ketiga.
- 3.59 Proses kemasan pada bahagian struktur karya. 193
- 3.60 Konsep akhir karya 3, besi dan kayu, 54 x 22 inci, 2019. 194
- 3.61 Karya 3, Pandangan hadapan, besi dan kayu, 54 x 22 inci, 194 2019.
- 3.62 Karya 3, komposisi susunan, besi dan kayu, 54 x 22 inci, 196 2019.
- 3.63 Karya 3, kesan pencahayaan, besi dan kayu, 54 x 22 inci, 196 2019.

3.64	Konsep pantulan simetri bagi motif Inompuling.	200
3.65	Lakaran idea 1 bagi karya 4, pen dan kertas, 2019.	201
3.66	Lakaran idea 2 bagi karya 4, pen dan kertas, 2019.	202
3.67	Lakaran idea 3 bagi karya 4, pen dan kertas, 2019.	202
3.68	Lakaran idea konsep akhir bagi karya keempat.	203
3.69	Pandangan hadapan, konsep akhir karya keempat.	204
3.70	Ilustrasi konsep akhir pandangan perspektif bagi karya keempat.	204
3.71	Lukisan teknikal bagi karya keempat.	206
3.72	Proses pembuatan dan Teknik kimpalan besi bagi karya keempat.	206
3.73	Proses kemasan dan semburan cat pada karya keempat.	207
3.74	Konsep akhir karya 4, besi dan kayu. 2019.	208
3.75	Pandangan perspektif karya 4, besi dan kayu, Siri I: 67.5 x 27 inci, 2019.	207
3.76	Pandangan tepi bagi karya 4, besi dan kayu, 2019.	209
3.77	Imej anthropomorph bermotifkan figura.	211
3.78	‘Livato’ motif berbentuk hantu, pahlawan atau manusia.	211
3.79	Lakaran idea 1 bagi karya 5, pen dan kertas, 2019.	212
3.80	Lakaran idea 2 bagi karya 5, pen dan kertas, 2019.	213
3.81	Lakaran idea 3 bagi karya 5, pen dan kertas, 2019.	214

3.82	Lakaran idea konsep akhir bagi karya kelima.	215
3.83	Ilustrasi tiga dimensi konsep akhir bagi karya 5, 2019, Perisian Maya.	215
3.84	Ilustrasi pandangan hadapan bagi tiga saiz berbeza, 2019, Perisian Maya	215
3.85	Ilustrasi tiga dimensi bagi pandangan atas, , 2019, Perisian Maya	217
3.86	Lukisan teknikal karya 5.	218
3.87	Proses kimpalan pada karya kelima.	220
3.88	Proses semburan cat dan kemasan akhir bagi karya kelima.	220
3.89	Pandangan perspektif Karya 5, 2019, besi, Siri I: 77 x 39 inci, Siri II: 50.5 x 29 inci, Siri III: 45 x 22.5inci.	220
3.90	Pandangan hadapan dan perspektif karya kelima, 2019, besi, Siri I: 77 x 39 inci.	220
3.91	Komposisi susun atur karya kelima.	223
3.92	Pinakol dan Sisingal aksesori masyarakat Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015)	224
3.93	Lakaran idea 1 bagi karya 1, pen dan kertas, 2021.	227
3.94	Lakaran idea 2 bagi karya 1, pen dan kertas, 2021.	227
3.95	Lakaran idea 3 bagi karya 1, pen dan kertas, 2021.	227
3.96	Lakaran plot pada tapak berbentuk bulat secara 3 dimensi dengan menggunakan perisian Maya.	227
3.97	Lakaran 3 dimensi bagi sudut perspektif bagi plot karya 1.	229

- 3.98 Lakaran 3 dimensi bagi sudut pandang tepi bagi plot karya 1. 228
- 3.99 Lakaran 2 dimensi dengan menggunakan peisian Adobe Illustrator. 229
- 3.100 Teknik plot bewarna bagi membezakan setiap lapisan. 231
- 3.101 Teknik pemotongan lasik. 232
- 3.102 Proses mencantumkan dan mewarna pada setiap bahagian karya. 232
- 3.103 Karya 1 komposisi pandangan atas meja sudut bulat, 2021, media campuran, 16 x 16 inci. 233
- 3.104 Karya 1 meja sudut bulat, 2021, media campuran, 16 x 16 inci. 234
- 3.105 Lakaran idea 1 bagi karya 2, pen dan kertas, 2021. 237
- 3.106 Lakaran idea 2 bagi karya 2, pen dan kertas, 2021. 237
- 3.107 Lakaran 3 dimensi dengan menggunakan perisian digital Maya. 237
- 3.108 Lakaran plot konsep idea 2 dengan menggunakan perisian Adobe Illustrator. 238
- 3.109 Lakaran plot bewarna bagi konsep idea 2 dengan menggunakan perisian Adobe Illustrator. 239
- 3.110 Proses cantuman imej membentuk komposisi. 241
- 3.111 Karya 1 komposisi pandangan atas meja sudut, 2021, media campuran, 30 x 15 x 16 cm. 241
- 3.112 Karya 2 meja sudut, 2021, media campuran, 30 x 15 x 16 inci. 242



- 3.113 Pameran Solo di ruangan galeri seni Universiti Pendidikan 246
Sultan Idris.
- 3.114 Sesi diskusi seni bersama panel jemputan dan para pelajar. 248



SENARAI SINGKATAN

KPSBM Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

A Kurikulum Vitae





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dibuat, bagi menghasilkan reka bentuk perabot arca dalam eksplorasi budaya etnik Rungus sebagai sebuah karya yang akan dipamerkan di kawasan awam ataupun di ruang persendirian. Kajian ini turut meneroka elemen budaya Rungus yang membawa kepada kewujudan rupa motif tradisional yang terdapat pada permukaan kraf mereka sebagai salah satu medium komunikasi dan pegangan animisme oleh masyarakat ini kedalam hasil karya pengkaji. Mahfar Siti Fariza (2017) menyatakan bahawa, penampilan imej yang membentuk motif-motif ini mempunyai watak dan ekspresi sebagai satu simbolik yang membawa kepada maksud dan kepercayaan tertentu. Ia juga merupakan hasil adaptasi interaksi tukang kraf dengan jelmaan unsur dari alam semulajadi dalam setiap penghasilan seni kraf tangan mereka (Ismail Ibrahim, 2011).



Melihat kepada faktor geografi di daerah pedalaman Sabah ini, masyarakat setempat mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan sumber alam. Lee (1965), mengkelaskan corak penempatan, aktiviti dan kegiatan ekonomi sesuatu etnik itu adalah berdasarkan kepada bentuk muka bumi di kawasan kelompok ini. Faktor persekitaran telah banyak mempengaruhi tatacara kehidupan mereka dan secara tidak langsung, telah mencetuskan ilham kepada tukang kraf untuk menghasilkan pelbagai barangan bagi memenuhi kefungsi keperluan harian mereka. Secara umumnya, setiap lapisan etnik di Sabah ini turut mempunyai keunikan serta kehalusan yang melambangkan budaya, adat, dan kepercayaan mereka yang tersendiri (Faridah, 2015).

Melalui rujukan daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah, keseluruhan negeri ini mempunyai 33 senarai etnik peribumi. Kepelbagaian etnik ini menjadikan mereka mempunyai bahasa yang diversiti. Ia merangkumi 80 dialek dan 50 bahasa yang berbeza mengikut sesuatu daerah dan kaum. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa kebangsaan masih lagi ditutur secara meluas di negeri ini. Antara kesemua etnik yang terdapat di negeri ini, etnik Rungus merupakan salah satu daripada etnik Bumiputera yang telah diiktiraf dari kumpulan Anak Negeri Sabah. Kelompok ini juga telah disenaraikan di dalam Perlembagaan Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (On, Abdullah, & Majumah, 2014).

Etnik Rungus turut dikenali sebagai 'Momogun' atau 'Momogun Rungus'. Istilah Momogun ini merujuk kepada etnik yang sama dimana ia diterima sebagai satu nama etnik bagi Rungus. Suku kaum ini juga merupakan perintis terawal yang berhijrah secara beramai-ramai dari China menerusi Tanah Besar Asia Tenggara ke Semenanjung Tanah Melayu sehinggalah ke kepulauan Indonesia dan Borneo. Menurut Appell, (1967), etnik Rungus berimegrasi sebelum kedatangan syarikat Berpiagam Borneo

Utara (SBBU) ke borneo pada 1881. Malah, sebab utama penghijrahan ini juga disebabkan belakunya kerosakan tanaman yang disebabkan serangan serangga terhadap tanaman mereka selama tiga tahun berturut-turut.

Selain itu, cara hidup kumpulan etnik ini yang berorientasikan hutan sebagai elemen utama dalam kepelbagaian amalan ritual dan kepercayaan animisme pada masa kodori (zaman lampau), bercucuk tanam sebagai sumber ekonomi serta memburu binatang bagi kelangsungan hidup telah menyebabkan mereka suka berpindah randah (Romut & Sasding, 2013). Asalan istilah 'Rungus' pula berasal daripada nama orang, iaitu Si Rungus yang telah membina sebuah rumah berhampiran pekan Kudat. Malah, bagi kumpulan etnik lain seperti Iranum, Bahau dan Suluk yang tinggal berhampiran Pekan Kudat juga menggunakan nama Rungus sebagai panggilan kepada seseorang yang mempunyai persamaan dengan Si Rungus. Kini, perkataan 'Rungus' telah diterima pakai oleh semua pihak bagi merujuk kepada etnik Rungus.

Masyarakat ini pada masa dahulu, majoritinya mendiami kawasan di sekitar Utara Sabah terutamanya di daerah Kudat, Kirangawan, Betutai, Toporoi di Kota Marudu, Konibungan, Bongkol dan Pitas. Sekitar tahun 1991, etnik Rungus telah dimasukkan dalam kategori bumiputera. Bagi etnik ini, organisasi sosialnya tertumpu kepada empat unit sosial utama iaitu, politik, keluarga, rumah panjang, kawasan perkampungan dan wilayah kampung. Penempatan awal etnik ini biasanya didirikan berhampiran sungai yang mengalir sebagai keperluan asas, malah mempunyai signifikan ritual yang menyokong keperluan amalan sistem kepercayaan mereka. Selain itu juga, rumah panjang Rungus itu sendiri turut melambangkan kehidupan tradisi dan amalan primitif yang masih dikekalkan (Liu, O.P. 2006).



Menurut kepercayaan, etnik ini mempercayai alam semesta terbahagi kepada dua iaitu alam manusia dan alam mistik. Alam manusia iaitu persekitaran fizikal yang menjadi asas utama dalam kehidupan seperti rumah, air, hutan, tanaman, haiwan, ladang dan sebagainya. Manakala, alam mistik merupakan kepercayaan dan amalan animisme yang dipercayai dikuasi oleh *osundu* (kuasa baik) yang bertanggungjawab menjaga kebajikan manusia dan *rogon* (kuasa jahat) pula kuasa yang sentiasa cuba memberi kesusahan kecuali jika permintaannya dipenuhi (Kntayya, 2012). Kuasa ini sukar dijangka dan etnik ini sentiasa berhati-hati bagi tidak menimbulkan kemarahan kuasa tersebut. Kuasa *osundu* dan kuasa *rogon* ini berkomunikasi dengan manusia melalui 2 kaedah. Iaitu melalui *kopizo* (mesej) penjelmaan dalam bentuk haiwan, tingkah laku manusia, mimpi dan kejadian seperti angin, hujan kilat dan sebagainya melalui perantaraan dengan *bobolizan*. Bobolizan ialah gelaran bagi orang yang berkemahiran berkomunikasi dengan *rogon* dan *osundu*. Selain itu, *bobolizan* ini juga merupakan orang yang akan turut mengendalikan ritual yang berkaitan dengan kepercayaan animisme.

Selain dari dua kuasa ini, terdapat beberapa lagi kuasa mistik yang mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Malah, kepercayaan ini disertakan dengan beberapa perbuatan amalan ritual dan pantang larang yang perlu dipatuhi. Melalui temu bual yang telah dijalankan, mereka menjelaskan amalan ini sangat penting bagi menjaga kesejahteraan dan kerukunan antara mereka. Namun kini, kebanyakan masyarakat Rungus di Sabah telah pun memilih agama Kristian dan Islam sebagai pegangan mereka, sejajar dengan waktu berbanding dahulu kala yang berpegang dengan agama Pagan. Mereka juga kini, sudah tergolong dalam kelas masyarakat yang





telah menjadi tenaga professional dan menyumbang kepada beberapa sektor ekonomi di Sabah.

Walau bagaimanapun, unsur-unsur tradisi dan kepercayaan masih lagi dipegang kuat oleh sesetengah etnik Rungus ini. Jika dilihat dari sudut unsur-unsur animisme dalam kepercayaan etnik ini, ia juga turut memberi impak dalam penghasilan hasil kraf tangan mereka sehingga kini. Keunikan seni kraf warisan etnik ini jelas menggambarkan kearifan pemikiran, pengalaman, dan kemahiran yang tinggi dalam penghasilannya. Pada tahun 1980-an, perusahaan manik dan kraf tangan mula mendapat perhatian dan telah menjadi salah satu daya tarikan kepada pelancong luar. Jika dilihat dalam pembuatan manik dan tenunan pada pakaian tradisioanl etnik ini, kepelbagaian variasi bentuk, imej dan reka corak motif yang dihasilkan turut memaparkan simbolisme yang menggambarkan satu unsur semangat dan kepercayaan menurut pandangan mereka (Mahfar Siti Fariza, J. H. 2017).

Jika dilihat pada setiap hasil seni etnik Rungus, terdapat pelbagai bentuk seperti binatang berbisa, bunga dan manusia serta beberapa lagi unsur-unsur alam yang telah diolah dan diterapkan menjadi ikon perlambangan pada hasil kraf tangan dan pakaian tradisional mereka. Menjurus kepada pakaian tradisional etnik Rungus, ia terdiri daripada dua jenis pakaian khas iaitu satu untuk wanita yang dikenali sebagai *banat-tapi* dan satu pakaian khas bagi lelaki dikenali sebagai *badu-masap*. Selain itu, pakaian etnik Rungus juga turut disertakan dengan pemakaian aksesori tambahan bagi pakaian tradisi lelaki dan wanita.



Pakaian ini terdiri daripada *magavol* (tenunan Rungus) dan *menulu* (sulaman manik Rungus) yang memaparkan ketinggian nilai tradisinya berdasarkan teknik pembuatan dan pengolahan motif yang dihasilkan. Jika dilihat pada pakaian tradisi ini, motif-motif panelnya bersumberkan bentuk geometri dengan pelbagai warna. Warna motif dan corak sulaman adalah seperti warna biru, ungu, merah jambu, hijau, kuning, dan merah serta berlatar belakangkan warna hitam dan jingga. Motif-motif yang terdapat pada kain sulaman dan manik ini adalah berbentuk perlambangan sesuatu unsur seperti flora, fauna dan manusia (Ismail Ibrahim, 2011).

Di bawah merupakan senarai aksesori bagi pakaian wanita antaranya seperti *Sisingal* - relung pengemas rambut, *Titimbok* iaitu sanggul yang diperbuat daripada besi putih atau tembaga, *Tinimbuku* pula bunga hiasan pada selitan rambut, *Tiningkol* adalah kain kapas yang dijadikan topi bagi penutup kepala, manakal *Rampai* adalah anting-anting, *Sad'ang* pula diperbuat daripada tulang binatang sebagai hiasan juraian yang disangkut pada belakang rambut, *Lintai* atau *tinggot* merupakan rantai manik-manik sebagai kalung leher. *Sulau* atau dikenali sebagai *Pinakol Kecil* sebagai loket daripada kulit kerang laut pula dipakai secara bersilang dan melintang dari dada ke belakang badan. Manakala *Orot* pula diperbuat daripada tembaga, loyang dan manik sebagai hiasan pinggang (Jeniffer P. Linggi 2015).

Gambar rajah 1.1 merupakan pakaian tradisi etnik Rungus yang dikenali sebagai '*banat-tapi*'. Kostum ini adalah gabungan asemblaj yang disusun secara dominan. Pada bahagian baju tradisional ini, ia dikenali sebagai *banat tandu* dan kain seperti skirt pula disebut sebagai *tapi*. Pada bahagian kepala si pemakain turut dihiasi perhiasan seperti *rampai* dan *sisingal* iaitu salah satu ornement Rungus yang berfungsi



sebagai relung pengemas rambut wanita. Ornoment ini turut mempunyai ragam hias pada bahagian atas dahi bagi menyerlahkan kecantikan kepada si pemakai.

Ragam hias ini diperbuat oleh pandai manik yang telah menghasilkan satu komposisi yang bewarna warni dan sangat menarik. Manik-manik ini diperbuat daripada warna asli bijirin daripada sumber semula jadi dan secara tidak langsung, dapat menyerlahkan suasana busana etnik Rungus. Tekstil ini diperbuat daripada tenunan Rungus yang dikenali sebagai *magavol* dan biasanya ia dipelopori oleh golongan wanita muda dan tua yang mewarisi tradisi menenun dan menyulam secara turun-temurun.

Melalui kajian etnografi dan pendekatan melalui antropologi budaya, jelas menunjukkan bahawa tekstil juga merupakan suatu yang penting sebagai budaya terhadap kehidupan manusia (S. Z. Ismail, 1990). Kain tenunan ini sangat istimewa kerana teknik pembuatannya masih menggunakan kaedah tradisi sepenuhnya. Manakala alat tenunan pula hanya menggunakan tangan mereka sendiri yang dikenali sebagai kek sandang belakang atau dalam bahasa Rungus ia disebut sebagai '*babaal*' (*back starp loom*).





Rajah 1.1. Pakaian tradisonal wanita etnik Rungus: *Banat-tapi* Sumber: http://sabah.edu.my/itmr010/pakaian_banat_tapi.htm.


Proses penghasilan kain ini juga bermula dari teknik asas pintalan kapas menjadi benang dan seterusnya diwarnakan dengan menggunakan bahan dari alam semula jadi seperti *tahum* (nama botanikal ialah *Indigofera*) iaitu sejenis tumbuhan menjalar dan *tongor* (nama botanikal ialah *Rhizophora mucronata*) sejenis kulit kayu serta beberapa proses campuran lain bagi mendapatkan warna hitam. Proses dalam penghasilan benang ini dikenali sebagai *moningkol*. Selain itu, bagi mendapatkan warna kuning juga, tumbuhan herba seperti *kolumit* (kunyit) dan daun gasing atau senduduk (nama botanikal ialah *Malastoma malabathricum*) turut digunakan dengan menumbuk



dan menghancurkan kedua-dua jenis daun ini dan digaul bersama benang (Baeren, E. J., & Jusilin, H. 2019).

Setelah kesemua proses mendapatkan jenis-jenis benang yang diperlukan selesai, penenun akan menyusun benang dan duduk secara melujur dengan posisi *abit* yang diperbuat daripada kulit lembut dan diletakkan pada bahagian pinggang bagi menengangkan panel benang. Proses ini berterusan sehingga sebidang kain terbentuk dan adakalanya mengambil masa tujuh hingga lapan hari bergantung kepada ketekunan penenun. Pemilihan warna dalam tenunan ini, seperti warna merah, putih, dan kuning juga turut digunakan sebagai warna dalam ragam hias tetapi tidak terlalu ketara berbanding warna hitam. Hasil tenunan tekstil ini, turut memperlihatkan keunikan motif-motif yang wujud melalui pengamatan dan kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Rungus.

Komposisi bentuk-bentuk motif yang dihasilkan berbentuk geometrik dan disusun menjadi hiasan sempadan bagi motif yang dominan. Aspek corak dan ragam hias yang terdapat pada tekstil pakaian tradisional ini dapat menyerlahkan lagi keunggulan tradisi Rungus dengan bertemakan warna hitam dan bersulamkan benang putih. Jika diperhatikan pada tekstil etnik Rungus, penggunaan warna hitam lebih dominan sebagai latar belakang kerana ia adalah simbolik kepada perlambangan kekuasaan dan warna ketuhanan. Mengikut kepercayaan yang masih diamalkan sehingga kini, peranan warna hitam tersebut mampu melindungi si pemakai daripada gangguan makhluk jahat.



Rajah 1.2. Tekstil tradisional bagi pakaian wanita etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).

Kemahiran penenun dalam mengadun ragam motif dengan jalinan benang dan sulaman pada permukaan kain, telah membentuk kepelbagaian motif geometri, ilham daripada sumber alam. Secara tidak langsung, ia menyerlahkan nilai estetika yang tinggi dan keunikan yang terdapat pada etnik Rungus. Rajah 1.2 menunjukkan dengan jelas tekstil busana etnik rungus yang terdiri dari gambar a) *Longon banat* - penutup bahu, b) *Banat* - korset badan, dan c) *Tapi Rinugading* - skirt bagi perempuan. Pakaian ini turut digayakan dan dilengkapi bersama beberapa aksesori yang diperbuat daripada manik dan tembaga dari bahagian kepala sehingga kaki si pemakai.



Rajah 1.3. Bahagian belakang pakaian tradisonal wanita etnik Rungus Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015)

pemakai yang dihiasi oleh *pinakol*, iaitu tenunan kecil yang disusun secara menyelimpang dan mempunyai warna yang pelbagai. Komposisi berbentuk 'X' inilah menampilkan identiti pakaian tradisi etnik Rungus dan membezakan ia dengan etnik yang lain di sekitar Sabah. Pinakol mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi corak dan warna yang terdapat padanya. Malah, teknik dalam pembuatannya memaparkan nilai ketelitian, kesabaran dan ketekunan tukang kraf dalam menghasilkannya.

Selain itu, rantai panjang yang diperbuat daripada manik dikenali sebagai *tongkol*, turut digayakan menyilang di bahagian badan selari dengan *pinakol*. Pada bahagian leher pula dikalungkan rantai hiasan dikenali sebagai *tinggot* atau *lintai* yang diperbuat daripada gabungan manik-manik kecil yang berloketkan kulit kerang laut pada bahagian depan dan belakang si pemakai. Bagi menutup bahagian bahu pemakai



pula, *banat* diletakkan dalam bentuk tiga segi dan dilubangkan pada bahagian tengah untuk memasukan kepala. Manakala pada bahagian pinggang hingga ke punggung pula, manik-manik kecil yang diperbuat daripada pintalan benang yang dikenali sebagai *orot* melitupi kelililing tubuh si pemakai.

Selain itu, loceng-loceng kecil yang boleh mengeluarkan bunyi dikenali sebagai *giring* turut menghiasi bahagian hujung *tapi*. Bagi melengkapi busana tradisional ini, terdapat ornomen yang digayakan pada bahagian kaki yang dikenali sebagai *lungkaki* dan *saring* pada bahagian tangan. Ia diperbuat daripada gelung dawai tembaga dan diatas rangkaian gelungan itu dikemaskan dengan memakai gelang yang di sebut *batakan*. Pada bahagian bawah gegelung tembaga itu pula dikemaskan dengan gelang dikenali sebagai *kinumai* yang digayakan pada pergelangan tangan si pemakai.

Sulaman manik amat popular dikalangan wanita Rungus sebagai barangan perhiasan yang akan dipakai pada majlis perkahwinan dan keramaian.

Kebiasaanya, sulaman manik ini dihasilkan di rumah panjang dan dipopularkan dalam pelbagai bentuk seperti gelang tangan, rantai, hiasan kepala dan selempang. Penggunaan warna seperti warna merah, biru, putih, oren, hijau, hitam dan hijau menyerikan lagi perhiasan yang diperagakan. Motifnya pula adalah sama seperti yang terdapat pada kain tenunan. Gambar rajah 1.4 di bawah pula merupakan beberapa jenis aksesori yang turut digayakan bersama pakaian tradisional etnik Rungus. Berdasarkan rajah di bawah a & b dikenali sebagai *Sisingal* (jenis-jenis relung pengemas rambut), c (*Pinakol*), d (*Sulau*) dan e (*Ramapai*).





Rajah 1.4. Aksesori manik yang dipakai oleh kaum wanita etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).

Pakaian tradisi etnik Rungus bagi lelaki pula dikenali sebagai *badu masap* yang memaparkan elemen yang sama dengan pakaian tradisi wanita Rungus dari segi warna dan elemen yang terdapat padanya seperti dalam rajah di bawah. Perbezaanya cuma ia kelihatan seperti baju kemeja lengan Panjang.





Rajah 1.5. Tekstil tradisional bagi pakaian lelaki etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).

Istilah *Badu* merujuk kepada bahagian baju kemeja tenun berlengan panjang dan *masap* pula merujuk kepada seluar panjang yang dibesarkan pada bahagian pinggang. Etnik Rungus juga mengenakan tengkolok yang diletakkan pada bahagian kepala. Tengkolok ini dikenali sebagai *sigal* yang diperbuat daripada liapatan kain *pis* iaitu kain sulaman yang dihasilkan oleh suku kaum Bajau Binadan dari daerah Kudat



dan berukuran satu meter persegi. Beberapa ornamen yang sama juga seperti pakaian wanita antaranya *tinggot* dan *pinakol* juga turut digayakan pada bahagian badan lelaki.

Selain itu, terdapat penambahan aksesori seperti *inavol* iaitu tenunan kain panjang yang bermotifkan geometri turut diselitkan bersilang bersama pinakol. Kain tambahan yang dirasakan sesuai ini dikenali sebagai *sandai* turut diletakkan melintang dari bahagian atas bahu hingga ke kaki. Manakala di bahagian pinggang pula, dipakaikan kain berwarna seakan merah, kuning dan hijau yang dijahit sekali dikenali sebagai *hokos*. Di bawah merupakan senarai aksesori bagi pakaian lelaki.

Aksesori bagi pakaian lelaki antaranya seperti *Masap* atau *soubal tanaru* (seluar besar panjang), *Badu'* (baju kemeja lengan Panjang), *Sigal* (tengkolok yang diperbuat dariada kain kapas), *Tinggot* (rantai manik sebagai kalung leher), *Pinakol* (manik yang dipakai secara bersilang dan melintang dari dada ke belakang badan), *Inavol* (tenunan kain panjang bersilang bersama pinakol di bahagian dada), *Sandai* (kain yang diletakan melintang pada bahagian bahu hingga kaki), *Hokos* (kain berwarna merah, kuning dan hijau pada yang dijahit sekali dan dipakai pada bahagian pinggang) seperti dalam gambar rajah di bawah.





Rajah 1.6. Pakaian tradisonal lelaki etnik Rungus. Sumber : Sabah Krafts (Jeniffer P.Linggi, 2015).

Melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji, maklumat yang diperolehi mendapati, motif yang wujud pada permukaan tenunan Rungus juga mempunyai falsafah dan simbolisme disebalik ikon yang dihasilkan. Terdapat pelbagai bentuk motif ornamen pada permukaan kain yang digunakan dalam set pakaian bagi lelaki dan wanita etnik Rungus. Selain itu, motif- motif tersebut turut memaparkan sumber sosio ekonomi mereka dan penceritaan tentang kehidupan masyarakat Rungus yang hidup



berkelompok. Pada permukaan kain ini, jelas kelihatan ornement motif -motif dan reka corak nya yang tersusun dan berjalur mengikut motif yang berlainan rupa.

Kebiasaannya pada zaman dahulu, penggunaan pakaian ini hanya dipakai pada upacara tertentu seperti perkahwinan, tarian, menyambut tetamu, kematian, pesta, memasak, meyulam serta mengangkat air. Namun kini, generasi terkini sudah tidak lagi mengamalkan pemakaian pakaian tradisional etnik ini. Malah, melalui pemerhatian pengkaji melalui kajian lapangan yang telah dijalankan, turut mendapati bahawa simbolik motif-motif yang terdapat pada pakaian ini juga sudah semakin dilupakan dan tidak diketahui umum tentang makna dan falsafah yang terdapat pada pakaian etnik Rungus ini.

Secara kesimpulannya, kebanyakan motif daripada etnik ini, terdiri daripada motif berunsurkan binatang, senjata, manusia dan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk geometrik. Selain tenunan, seni kraf tangan yang lain juga turut mempersembahkan motif yang terbentuk ilham flora dan fauna dan bersumberkan alam dalam setiap hasil seni mereka selain unsur-unsur haiwan dan anamisme (Mahfar Siti Fariza, 2017). Disebabkan etnik Rungus amat peka terhadap alam semulajadi, maka penghasilan bentuk-bentuk motif juga banyak dipengaruhi oleh bentuk- bentuk alami yang telah diolah menjadi ragam hias pada permukaan tenunananya.





1.1.1 Motif Dalam Tenunan Etnik Rungus

Jika dilihat pada hasil kraf tangan masyarakat Rungus yang tinggal di pedalaman utara Sabah ini, mereka amat terkenal dalam menghasilkan pelbagai barangan kegunaan harian dan kraf tangan yang diilham daripada sumber alam, dan imaginasi yang dimiliki oleh tukang kraf. Hal ini jelas membuktikan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan masyarakat ini amatlah tinggi dalam menterjemahkan modal alam kedalam hasil seni tradisional mereka. Antara hasil seni tradisional yang dihasilkan oleh etnik ini adalah seperti barangan tembaga, seramik, gong, manik dan tenunan.

Kebanyakan hasil seni oleh masyarakat Rungus mempunyai bentuk motif yang unik ilham daripada sumber alam yang terbahagi kepada 5 kategori iaitu ilham daripada bentuk orang, kepercayaan animisme seperti semangat dan hantu, binatang berbisa seperti ular, cicak, biawak dan katak, ilham daripada bentuk geometri seperti tangga, piramid dan pagar dan tumbuhan hutan seperti bunga, rebung dan rotan. Rujukan daripada kraf manik dan tenunan Rungus, motif-motif figuratif ini dikupas bagi mendapatkan maklumat terperinci tentang makna dan perlambangan yang akan diterjemahkan.

Menerusi 5 kategori ini, terdapat berpuluh bentuk motif yang wujud sebagai ornamen terutamanya pada hasil tenunan dan manik oleh masyarakat Rungus. Jadual 1.1 di bawah merupakan senarai nama-nama motif yang dapat dikumpulkan oleh pengkaji sebagai rujukan.



Jadual 1.1

Jenis-jenis nama motif dan perlambangannya

Nama motif	Perlambangan	Nama motif	Perlambangan
Benurinsi	Siput dan kerang	Inansal	pagar
Binongkok	Katak	Inompuling	serampang ikan
Binorokidung	jejak ular	Inugarang	biawak atau cicak kecil
Binugang	Burung	Inumpizos	Ulat bulu
Binutuan	jalinan kulit kayu	Kinadamazam kadamazam	Kiambang Kiapu bunga kayu
Kinulit	kulit pisang	Lijawan	paku pakis
Linimut	Kumbang	Linopung	ular sawa
Linopung do kisorod	ular bersirip	Livato	semangat atau hantu
Miniyamba	bungkusan kuih	Mitotorungak	kemasyarakatan iaitu kelompok
Monsimuung	semangat atau binatang	Pinodkimo	kulit tiram
Sinikuvan	buku benang	Sinopung	piramid
Sinubung	ukiran kayu yang dicucuk dengan sesuatu ditengahnya	Sinusuk	rabung pucuk rebung
Tinikou Sada	ekor ikan	Tiningulun	bentuk manusia
Tinolutug	segi empat yang dikelilingi corak segi tiga	Tinubou	burung merak mengigal
Tinukad	Tangga	Vinalahan	bunga rotan
Vinusak	bunga-bunga hutan	Vinusak Kapok	bunga kapok

Sumber : Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011) dan <http://rungusmomogun.blogspot.com/2012/04/pakaian-rungus-dan-seni-motif-yang.html>.

1.1.2 Jenis Motif dan Makna

Terdapat pelbagai motif ragam hias dalam pakaian tradisional etnik Rungus yang mana mempunyai kaitan dengan pengaruh persekitaran. Keunikannya jelas dapat dilihat pada bentuk-bentuk motif yang dihasilkan. Bentuk-bentuk dominan ini diilhamkan daripada alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, binatang dan unsur animisme. Faktor sosio



budaya dan latar belakang masyarakat itu yang sentiasa mengamalkan gaya hidup nomad dan kebergantungan kepada sumber hutan juga turut memainkan peranan terhadap tercetusnya motif-motif tradisi ini. Hal ini turut disokong dalam kajian yang dijalankan oleh Ismail, S. Z. (1990), yang mana beliau menjelaskan pakaian tradisional sememangnya menampilkan ragam hiasan yang memberikan perlambangan terhadap unsur-unsur daripada persekitaran.

Justeru, motif-motif yang dihasilkan ini turut membawa perlambangan dan simbolik terhadap sesuatu makna yang tersurat di sebalik penghasilannya. Oleh itu, kemahiran dan daya kreativiti yang tinggi oleh penenun dalam menghasilkan motif Rungus, telah membawa nilai keindahan terhadap pakaian tradisionalnya yang sekali gus mampu menonjolkan status kepada si pemakai. Menurut analisis kajian yang dijalankan oleh Ling & Jusilin, (2018) elemen reka bentuk motif dalam pakaian Rungus dicipta berdasarkan elemen bentuk, garisan, rupa dan jalinan yang menampilkan nilai estetika yang terdiri daripada imbangan, kesatuan, harmoni dan bermakna yang mampu memaparkan keindahan identiti dan jati diri kaum Rungus.

Antara motif dominan yang sering digunakan dalam pelbagai kraf tangan dan pakain Rungus adalah seperti, motif *binugang* (burung), *inugarang* (biawak atau cicak), *vinusak* (bunga), *linompong* (ular sawa) serta beberapa motif lain seperti dalam jadual 1.2 di bawah:



Jadual 1.2

Reka corak dan simbolisme dalam seni manik Rungus.

Motif	Deskripsi	Interpretasi	Simbolisme
 Inugarang	Motif berbentuk cicak	Haiwan berbisa dan boleh membawa maut jika digigit, hidup di sungai dan dicelah-celah batu.	Sebagai penjaga sungai dan dianggap berbahaya. Simbol biwak kecil atau cicak ini juga bersumberkan binatang buruan.
 Sinopung	Motif berbentuk segi tiga dan bersilang yang disusun secara rupa positif dan negatif.	Bentuk segi tiga yang disusun secara seimbang antara kiri dan kanan motif.	Pembentukan sudut dan segi diaplikasikan daripada pertemuan bumbung rumah tradisional masyarakat Rungus
 Tiningulung	Motif berbentuk manusia	Pembentukan imej pada motif berbentuk geometri yang terdiri daripada segi empat, segi tiga, persegi dan bulat.	Melambangkan kepahlawanan atau pemburu pada zaman dahulu
 Tinimbuku	Motif berbentuk bunga	Bentuk motif daripada unsur perulangan terdiri daripada unsur bujur, bulat dan melengkung	Melambangkan kesepaduan dan hubungan yang erat dalam masyarakat Rungus.
 Viusak	Motif kelopak bunga	Motif dihasilkan daripada imbalan simetri dan bercangkuk di bahagian atas dan bawah.	Perlambangan seorang wanita yang cantik dan kelihatan seperti bunga yang menjadi penawar kepada sengatan binatang berbisa


(bersambung)

Jadual 1.3 (sambungan)

Motif	Deskripsi	Interpretasi	Simbolisme
 Mitotorungak	Motif yang menampilkan unsur garisan yang disusun secara rupa negatif dan positif	Motif berbentuk bersilang seperti segi tiga, segi empat dan persegi	Pembentukan motif adalah simbolik kepada nilai kehidupan masyarakat berkelompok.
 Kawit	Motif berbentuk cangkuk dan bersilang	Motif berbentuk geometri yang terdiri daripada unsur segi empat dan berpangkah	Berbentuk senjata melambangkan kekuatan si pemilik.
 Litai	Motif berbentuk garisan bersilang tebal, tipis, segi tiga, dan persegi	Motif disusun secara rupa positif dan negatif yang disusun seimbang dan mempunyai ciri-ciri kesamaan	Pembentukan segi tiga dikaitkan dengan bentuk piramid.
 Tinulit	Motif berbentuk garisan yang terdiri daripada unsur bulat, selari, nipis dan tebal	Motif disusun secara translasi imej dan cerminan sebagai corak.	Simbol motif melambangkan pertemuan bumbung rumah tradisi masyarakat Rungus.
 Livato	Motif berbentuk daripada unsur geometri seperti segi tiga, segi empat, berpangkah dan melengkung	Motif disusun secara seimbang dan teratur dari kiri dan kanan	Simbolik motif dikaitkan dengan imej seperti hantu atau manusia. Simbol ini wujud daripada alam semula jadi, hantu atau pahlawan.

(bersambung)

Jadual 1.4 (sambungan)

Motif	Deskripsi	Interpretasi	Simbolisme
 Rampai	Motif berbentuk bujur dan menampilkan unsur garisan tebal, nipis dan lurus.	Motif disusun daripada unsur garisan dalam gubahan motif	Hiasan juraian yang disangkut pada belakang sanggul yang diperbuat daripada gabungan pergulungan cebisan kain kecil berwarna warni yang membawa simbol perpaduan dalam masyarakat Rungus.
 Inompuling	Motif berunsurkan garisan geometri secara lurus, selari nipis dan tebal	Rupa motif disusun secara perulangan dan cerminan sebagai corak.	Imbangan yang terhasil daripada susunan ragam garis membentuk motif seperti sangkar. Ia simbolik kepada alat kehidupan masyarakat Rungus seperti serampang ikan.
 Kinulit	Motif berunsurkan garisan silang pangkah yang tebal dan nipis.	Motif disusun secara rupa positif dan negatif dan menghasilkan prinsip harmoni daripada pengulangan unsur empat segi dan bulat yang disusun secara teratur.	Bentuk titik perlambangan kepada biji buah pisang dan garisan silang pangkah adalah aplikasi daripada kulit pisang.

(bersambung)

Jadual 1.5 (sambungan)

Motif	Deskripsi	Interpretasi	Simbolisme
 Saring	Motif berbentuk garisan beralun, tebal dan nipis.	Motif disusun secara berselang seli antartara unsur rupa beralun dan berjalur yang diulang dan menghasilkan imbalan dan kesepadan dari segi berat.	Simbolik kepada gambaran berbentuk zink dan beralun.
 Linimut	Motif berbentuk geometri daripada unsur segi empat, berpangkah dan melengkung.	Motif berbentuk garisan selari, lurus, nipis dan tebal yang disusun secara translasi dan cerminan imej	Simbolik daripada alam semulajadi seperti serangga kumbang.
 Rinugading	Motif berbentuk garisan melengkung, berpangkah, tebal, bersilang dan nipis	Motif disusun secara translasi imej dan cerminan yang membentuk corak rupa positif dan negatif.	Simbolik ragam garis lurus dan melengkung pada motif perlambangan kepada jejak ular yang menjalar di hutan.
 Binaduk binahmad	Motif berbentuk segi empat, persegi dan bersilang yang menampilkan unsur garisan tebal dan nipis	Gabungan unsur garisan yang disusun secara teratur dan digubah membentuk motif yang menarik dan seimbang.	Simbolik kepada bercangkul iaitu alat atau senjata yang digunakan oleh etnik Rungus ketika menangkap ikan.

(bersambung)

Jadual 1.6 (sambungan)

Motif	Deskripsi	Interpretasi	Simbolisme
 Innigo' glad	Motif berbentuk garisan berpangkah dan unsur segi empat yang disusun secara cerminan dan transilasi imej	Pengulangan unsur garisan yang disusun membentuk gubahan motif yang seimbang dan harmoni.	Simbol berpangkah adalah adaptasi daripada pertemuan bumbung rumah tradisi Rungus
 Inunpizos	Motif menampilkan unsir garisan bentuk melengkung, bersilang, nipis dan tebal yang disusun secara rupa positif dan negatif.	Motif disusun secara transilasi imej bagi mendapatkan corak memanjang dengan prinsip imbalan daripada kesepadanan susunan bentuk motif.	Simbolik kepada elemen fauna seperti serangga ulat bulu.
 Tinubou	Motif terdiri daripada unsur segi empat, berpangkah, segi tiga yang dipaparkan secara lurus, nipis dan tebal	Motif yang disusun secara teratur membentuk prinsip harmoni dan kesatuan hasil gabungan unsur garisan dalam gubahan motif.	Simbolik kepada burung merak yang mengigal seolah-olah hendak berlagak
 Lungkaki	Motif berunsurkan garisan tebal, nipis dan beralun.	Motif berbentuk beralun dan berjalur disusun secara bersilang seli dan berulang.	Motif melambangkan bentuk zink yang beralun

Sumber : Mahfar Siti Fariza, (2017) dan Ling.Y.P & Jusilin, H. (2018)




Selain itu, motif yang terdapat dalam kesenian Rungus juga dapat dibahagikan kepada 6 kategori iaitu, motif *anthropomorph*, motif *zoomorph*, motif *phyllomorph*, motif geometri, motif objek umum, dan motif rinangkit. Motif-motif etnik ini telah melalui proses evolusi dimana imej-imej seperti *anthropomorph* dan *zoomorph* telah diubah menjadi kepada sesuatu susunan yang lebih berstruktur, manakala *phyllomorph* pula banyak berpaksikan kepada elemen geometri yang memaparkan corak berunsur dekoratif. Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan yang dapat dikupas bagi mengenal pasti jenis-jenis motif tradisi ini.

Perkataan *anthropomorph* dapat dipecahkan kepada dua maksud iaitu *athropos* itu sendiri merujuk kepada manusia dan *morphe* sebagai bentuk. Ia juga merujuk kepada manusia sebagai perlambangan kepada ikon yang dihasilkan. Motif ini bersifat statik dan rigid dimana stail figuranya tidak dekoratif seperti motif-motif etnik yang lain seperti Iban dan Murut. Terdapat banyak rupa yang terhasil setelah mengalami proses tranformasi bagi imej *anthropomorph*, namun masih lagi dapat dibezakan antara rupa manusia dan rupa binatang.

Motif Rungus lebih kepada pembentukan geometri yang berasaskan bentuk-bentuk daripada potongan wajik, dimana keistimewaanya berfungsi sebagai satu komposisi dan diletakkan secara khusus dalam sesuatu ruang sempadan dalam rekaan tenunan dan manik. Gambaran pada rajah di bawah, adalah motif *Tinongulun* yang bermaksud *ulun* atau *tulun* iaitu orang. Mengikut maklumat yang diperolehi, motif ini turut dikaitkan dengan nama seorang lelaki Rungus yang dikenali sebagai *Tinongulun*.






Rajah 1.7. Motif anthropomorph Rungus yang menggambarkan bentuk manusia
Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011)

Selain itu, istilah yang diberikan ini juga, merujuk kepada imej bersumberkan manusia seperti *monsimung* dan *livato* (hantu). Motif ini diilhamkan daripada bentuk tubuh manusia yang diinspirasikan sebagai makhluk yang berkuasa di atas alam berbanding unsur alam yang lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Konsep *Tinongulun* ini dijadikan sebagai corak pembukaan. Karakter bentuk motif dipersembahkan secara harmoni dengan pengulangan unsur bentuk segi empat yang disusun tertur secara transilasi imej dan cerminan sebagai corak yang menarik.


Selain itu, motif *zoomorph* Rungus yang dikenali sebagai *inompiling* di kalangan masyarakat Rungus juga turut dapat dilihat dalam pinakol dan kain tenunan Rungus. *Inompiling* merupakan adaptasi binatang berbahaya yang tinggal di dalam sungai. Mengikut kepercayaan masyarakat Rungus, motif ini digambarkan sebagai seekor buaya kerana penghasilan motifnya yang berbentuk seperti sepasang tangan dan kaki yang mempunyai bilangan jari hanya empat batang, ekor yang panjang, berbonggol-bonggol berduri dan hujungnya berbentuk tirus.



Rajah 1.8. Motif *Zoomorph* Rungus menggambarkan bentuk buaya atau biawak.
Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011)

Selain itu, karakter bentuk motif ini juga terdiri daripada beberapa usur garisan, berpangkah, melengkung, selari, lurus, nipis dan tebal sebagai elemen utama. Pengulangan imej yang disusun secara teratur juga turut memaparkan keharmonian dan prinsip kesatuan kesan gabungan unsur garisan yang disusun membentuk rupa motif. Motif-motif ini juga dibentuk berdasarkan transilasi imej dan cerminan sebagai corak yang dapat mewujudkanimbangan pada kiri dan kanan rupa motif tersebut.


Jika dilihat pada motif *zoomorph* Rungus pula, ia turut mempunyai kesamaan dengan motif *anthropomorph*, namun ia tidak menampilkan dekorasi pada motif. Namun, motif ini sebenarnya adalah simbolik kepada alam semula jadi yang menggambarkan elemen fauna seperti kumbang. Unsur garisan bersilang dan bertitik ditengah-tengah adalah aplikasi imej mata sebagai simbolik kepada hidupan yang dimaksudkan. Motif ini juga hanya berdasarkan kepada bentuk geometri, bahkan bersifat terasing dan begitu dominan dalam rekaan corak yang dihasilkan dan ada yang disusun secara translasi imej bagi mendapatkan corak yang memanjang.



Rajah 1.9. Motif *zoomorph* Rungus yang menggambarkan motif *linimut* (kumbang)
Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011).


Terdapat juga beberapa motif paling dominan yang disusun secara bersendirian. Motif ini yang terdiri daripada unsur garisan yang dipaparkan secara selari, lurus, nipis dan tebal yang disusun dalam teratur membentuk motif yang menarik. Kesamaan antara pandangan kiri, kanan, atas dan bawah telah mewujudkan imbalan dan kesatuan terhadap bentuk motif yang dihasilkan.

Selain motif *inompiling*, beberapa motif yang turut dikategorikan sebagai motif *zoomorph* adalah seperti motif berkisarkan binatang berbisa seperti *binongkok* (katak), *linimut* (kumbang), dan *inugarang* (cicak) serta beberapa elemen fauna seperti dalam rajah di bawah. Manakala bagi motif *phyllomorph* Rungus, ia kelihatan sedikit berbeza. Motif ini merupakan satu komposisi corak yang berulang atau himpunan pengulangan bentuk geometri yang membentuk satu motif keseluruhannya. Bermakna, ia tidak boleh mendominasi secara bersendirian dan akan dihimpunkan membentuk corak bagi menghiasi tenunan Rungus seperti rajah di bawah.



Rajah 1.10. Motif *zoomorph* Rungus bentuk buaya, cicak, katak dan kumbang. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011).


Kebanyakan ragam bentuk motif ini berpaksikan elemen geometri dan tidak mempunyai nama khusus. Ia telah diadaptasikan daripada elemen flora dan bertemakan objek yang mempunyai cangkuk dan dikenali sebagai kawit seperti rajah di bawah.



Rajah 1.11. Motif bertemakan objek umum- motif *kawit* Rungus. Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011).


Selain itu, reka bentuk motifnya menampilkan unsur pengulangan rupa yang diolah secara translasi dan cerminan yang disusun secara teratur dan menarik. Elemen

motif daripada garisan tebal, nipis, lurus, segi empat, melengkung dan bulat membentuk imbalan motif seperti rajah di bawah.



Rajah 1.12. Motif *phylloform* Rungus yang menggambarkan elemen flora Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011).

Selain itu, melalui dapatan maklumat yang diperolehi daripada sumber sekunder ini, motif geometri yang digambarkan pada rajah 1.13 di bawah juga adalah aplikasi daripada pengaruh objek persekitaran masyarakat Rungus. Jika diperhatikan, bentuk segi tiga banyak digunakan dalam rekaan motif yang dihasilkan, namun setiap karakter segitiga yang dihasilkan itu mempunyai maksud yang berbeza-beza. Antaranya seperti gambaran kepada piramid, corak seperti ular bersirip, bertemakan banjir, dan pelbagai lagi yang dihipunkan membentuk corak untuk dijadikan hiasan pada permukaan kain. Selain itu, ada diantaranya juga dijadikan hiasan garisan tepi sesebuah corak dan menjadi hiasan sempadan bagi motif yang dominan.



Rajah 1.13. Motif Geometri Sumber: Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah (Ismail Ibrahim, 2011).

Secara kesimpulannya, keunggulan pakaian tradisional etnik Rungus diserlahkan melalui ragam hias dan corak yang terdapat padanya. Kepelbagaian motif tradisi Rungus ini dapat dikaitkan dengan alam persekitaran yang kebanyakannya berunsurkan elemen flora dan fauna yang membawa kepada maksud tersirat. Kemahiran penenun dalam menghasilkannya juga turut menyerlahkan nilai estetika yang tinggi terhadap nilai warisan yang semakin dipinggirkan. Elemen motif yang dipaparkan dalam kesenian Rungus dapat dilihat dengan gaya berbentuk geometri seperti bentuk segi empat, lurus, bersilang dan segi tiga, yang jelas mempamerkan variasi bentuk yang membawa makna berkaitan dengan aktiviti dan budaya.



1.1.3 Analisa Visual Aplikasi Asas Geometri Pada Motif Rungus

Melalui pengayaan bentuk dan motif pada seni kraf tangan etnik Rungus, ia jelas dapat memaparkan keaslian identitinya yang tersendiri. Malah, ia juga mudah dikenali dan dibezakan daripada etnik-etnik yang lain di sekitar negeri Sabah. Penghasilan motif pada seni kraf Rungus, menjurus kepada motif flora dan fauna, objek persekitaran, unsur-unsur semangat, dan kegiatan harian masyarakat. Ilham daripada sumber alam ini dapat dibahagikan kepada 5 kategori iaitu adaptasi daripada bentuk orang, kepercayaan anamisme seperti semangat dan hantu, binatang berbisa, bentuk geometri dan tumbuhan hutan seperti rebung, rotan dan bunga.

Adaptasi motif *Magavol* (tenunan Rungus) dan *Menulu* (sulaman manik

Rungus) ini, menampilkan kepelbagaian ragam hias yang memberi perlambangan berkaitan dengan persekitarannya. Oleh itu, terdapat 32 nama motif dan perlambangan yang dapat dikenal pasti berdasarkan kajian lampau, dan ia dapat dikategorikan kepada 6 jenis motif seperti anthropomorph, motif zoomorph, motif phyllomorph, motif geometri, motif objek umum, dan motif rinangkit. Kesemua motif ini telah mengalami evolusi dan transformasi daripada rupa asalan, lantas menampilkan satu ikon rupa bentuk yang dekoratif dan kaya dengan perlambangan.


Justeru, penghasilan motif dan corak Rungus yang halus dan berseni ini, turut membawa kepada pemikiran dan falsafahnya yang tersendiri dalam menyampaikan makna yang tersurat. Kesenian Rungus merangkumi penciptaan seni anyaman, pembuatan gong, sulaman manik, dan seni ukiran yang menghasilkan keindahan motif dan dekoratif yang berteraskan imbalan simetri. Pengkaji telah membuat analisis secara terperinci bagi mengupas aspek-aspek fizikal motif bagi menentukan motif yang



dominan untuk diterapkan kedalam hasil karya akhir pengkaji. Antara 6 kategori motif yang terdapat pada kesenian Rungus ini ialah.

Jadual 1.7


Analisis aplikasi asas geometri pada motif Rungus yang dijalankan oleh pengkaji.

No.	Jenis motif	Aplikasi geometrik	Interpretasi
1.	<u>Imej Anthropomorph</u> Motif bertemakan manusia	   	• Paparan imej anthropomorph tidak dekoratif, statik, dan bersifat rigid. • Bersifat geometri dan berasakan potongan wajik dan mirip geometri mudah yang terdiri daripada segi tiga, bulat, segi empat dan persegi. • Komposisi yang diletakkan secara khusus dan berdiri secara tunggal dan menjadi motif dominan pada ruang primer. • Ciri harmoni terhasil daripada pengulangan motif yang disusun secara transilasi imej yang teratur menjadikan ia kelihatan menarik. • Motif kelihatan seimbang pada bahagian kiri dan kanan imej mampu mewujudkan tumpuan terhadap imbalan.

(bersambung)



Jadual 1.3 (sambungan)




No.	Jenis motif	Aplikasi geometrik	Interpretasi
2.	<u>Imej Zoomorph</u> Motif bertemakan cicak, biawak, katak	   	- Motif zoomorph bersifat terasing dan bersifat dominan pada sesebuah corak, sama seperti motif anthropomorph. - Pada motif ini terdapat elemen flora, namun perwatakannya tidak begitu ketara. - Prinsip imbangan terhasil melalui corak yang disusun secara transilasi imej. - Motif ini menampilkan unsur garisan bersilang, tebal, nipis dan melengkung. - Motif ini dapat dibahagikan kepada dua sifat: - Terdapat motif dominan yang dibuat secara bersendirian. - Motif dominan yang disusun secara translasi imej bagi menghasilkan corak memanjang.

(bersambung)












Jadual 1.3 (sambungan)

No.	Jenis motif	Aplikasi geometrik	Interpretasi
3.	<u>Imej Phyllomorph</u> Motif bertemakan jejak ular, merak mengigal, ular sawa 	  	- Motif phyllomorph amat terikat dengan bentuk geometri secara langsung walaupun elemennya berunsurkan flora. - Namun, motif ini tidak mendominasi secara bersendirian kerana ia merupakan satu komposisi geometri yang diulang bagi membentuk keseluruhan motif. Ia asas kepada corak hiasan tenunan. - Garisan yang bersilang antara kiri dan kanan mewujudkan imbangan yang harmoni. - Garisan yang disusun pada gubahan motif menghasilkan kesatuan.

(bersambung)




Jadual 1.3 (sambungan)

No.	Jenis motif	Aplikasi geometrik	Interpretasi
4	<u>Imej Objek umum</u> Motif bertemakan bunga hutan, serampang ikan, kelompok masyarakat 	   	- Motif ini merupakan satu motif yang dikenali sebagai <i>kawit</i>. Motif ini terserlah dengan menggambarkan objek seperti cangkuk. - Ia lebih bersifat dekoratif dan tiada nama khusus. - Pengulangan motif disusun secara teratur dan mempunyai ragam hias yang bersilang.
5.	<u>Imej Geometri</u> Motif bertemakan banjir, piramid, corak sirip ular 	    	- Motif ini merupakan motif dasar yang dijadikan hiasan pada permukaan kain. - Kedudukan motif diletakkan pada garis tepi bagi sesebuah komposisi corak. Motif jenis ini juga turut dijadikan sebagai sempadan bagi motif dominan. - Motif ini disusun memanjang secara translasi imej.

(bersambung)

Jadual 1.3 (sambungan)

No.	Jenis motif	Aplikasi geometrik	Interpretasi
6.	<u>Imej Rinangkit</u> Motif bertemakan pucuk rebung, bungkus kuit, tangga, buku benang, bunga kayu, benh labu. 		- Adaptasi motif <i>rinangkit</i> merupakan motif yang disusun membentuk struktur komposisi pada kain. - Komposisi motif dominan rinangkit disulam secara memanjang dan dibahagikan kepada beberapa corak. - Konsep pantulan dan pengulangan imej diaplikasikan bagi membentuk reka corak. - Motifnya membentuk garis 't' dan dipertemuan pertengahan antara garis lintang dan menegaknya menjadi pusat bagi hiasan bunga pecah empat membentuk 'X'.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan terhadap rupa bentuk motif dalam pakaian Rungus, terdapat elemen formal atau ciri estetika seperti imbalan, kesatuan, harmoni dan bermakna. Prinsip imbalan dapat dilihat dalam pembentukan rupa motif hasil daripada kesepadanan susunan bentuk yang disusun secara seimbang antara kiri dan kanan motif. Manakala, kesatuan pula terhasil kesan daripada gabungan unsur garisan yang disusun dalam gubahan motif Rungus. Prinsip harmoni pula dapat dilihat dari paparan pengulangan bentuk-bentuk yang disusun secara teratur disekitar motif dan menjadikannya kelihatan menarik. Elemen bermakna pula banyak dikaitkan

dengan pembentukan imej yang diadaptasi daripada sesuatu objek, persekitaran mahupun kepercayaan yang membawa kepada makna tersirat terhadap motif yang dihasilkan.

Jika dilihat pada pembentukan motif, unsur bentuk pula banyak menampilkan bentuk-bentuk geometri yang terdiri daripada unsur garisan tebal, nipis, bersilang, lurus, berpangkah, melengkung, bentuk bulat, segi tiga, persegi dan segi empat yang ada diantaranya disusun secara rupa positif dan negatif. Konsep pantulan juga banyak dilihat dalam pembentukan motif Rungus yang mana keseluruhan komponen motif disusun secara translasi imej membentuk corak berteraskan imbalan simetri. Namun, konsep translasi ini tidak digunakan secara konsisten pada sesebuah komposisi yang dihasilkan. Hal ini kerana, ada di antara motif tersebut tidak boleh mendominasi secara bersendirian kerana ia dibentuk berdasarkan himpunan rupa geometri yang diulang-ulang membentuk satu komposisi.

Secara kesimpulannya, keseluruhan imej yang dipaparkan sebagai motif dalam corak tradisi Rungus ini, rekaannya kelihatan agak statik dan rigid. Karakter yang dipersembahkan juga tidak berirama dan tidak terlalu dekoratif kerana ada di antaranya lebih bersifat individu. Selain itu, teknik anyaman dan sulaman juga banyak mempengaruhi kesan pembentukan motif yang dihasilkan. Hal ini dapat dilihat pada motif anthropomorph dan zoomorph yang seakan telah mengalami transformasi yang berkemungkinan kesan daripada teknik dalam penghasilannya (Ismail Ibrahim, 2011).

Proses transformasi ini berlaku tanpa sedar dan mengikut peredaran semasa, malah pengetahuan terhadap penghasilan motif ini juga merupakan warisan turun-temurun yang dikenali sebagai seni primitif. Namun, kemahiran penenun dalam

mengadun ragam motif daripada sumber alam mampu mempelbagaikan lagi rupa bentuk geometri sebagai hiasan pada permukaan kain. Oleh itu, bagi menghasilkan sesuatu kesenian, ia memerlukan pengetahuan mengenai alam kehidupan, kemahiran, dan pemikiran yang kreatif (Nik Hassan Shuhaimi, et al., 2011).

Justeru, konsep rekaan tradisi Rungus ini amat memerlukan ketelitian dan daya pemikiran yang tinggi dalam penghasilannya. Jika dilihat pada hasil kraf tangan mereka, representasi motifnya adalah dalam bentuk geometrik dengan pengaplikasian matematik yang begitu kreatif berdasarkan pengaruh alam persekitaran. Melalui budaya dan matematik, ia mampu dihubungkan dari pelbagai aspek seperti kesenian, pemikiran, sastera dan pendidikan agama (Rofa et. al., 2012).

1.2 Pernyataan Isu

Motif reka corak merupakan satu warisan kesenian tradisional yang merujuk kepada ikon atau simbol yang terdapat dalam objek seni seperti ukiran, tekstil, seramik, anyaman serta pembuatan logam halus. Ianya merupakan satu peninggalan sejarah yang wujud dan terakam sehingga kini. Berdasarkan Davidson, G. (1991), warisan budaya dapat ditakrifkan sebagai satu produk dari tradisi dan prestasi yang berbeza-beza spiritualnya dalam bentuk nilai dari masa lampau telah menjadi elemen asas dalam jati diri sesuatu masyarakat. Penulisan oleh Arafah, B. (2015), turut menjelaskan bahawa masyarakat itu terbentuk melalui sejarah yang panjang dan ianya merupakan satu proses pewarisan budaya dari generasi ke generasi melalui proses pembudayaan.

Fenomena ini telah membentuk satu cabang budaya yang dibentuk berdasarkan warisan budaya yang berpandukan peninggalan daripada artifak fizikal yang turut mempunyai pantang larangnya yang tersendiri dan diwarisi secara turun temurun. Menurut Artha, A.T., & Putra, H. S. A. (20014), empat jenis ikon atau simbol dapat dikategorikan sebagai warisan budaya iaitu, benda fizikal yang merangkumi objek ciptaan manusia, adat istiadat sebuah kebudayaan, sistem nilai atau kearifan tradisi, dan pengaruh persekitaran yang mencipta kebudayaan itu sendiri. Oleh itu, kewujudan motif tradisional ini juga, turut menjadi lambang dan ikon kepada sesuatu budaya berdasarkan kepelbagaian rupa dan rekaan motifnya melalui kaedah adaptasi dan penjelmaan daripada aktiviti persekitaran mereka.

Adaptasi seni yang terhasil ini juga mampu memperlihatkan manifestasi budaya serta intipati kehidupan dalam sesebuah masyarakat yang akhirnya menyumbang kepada identiti negara tersebut (Zakaria, 2011). Berdasarkan amalan kehidupan dan sistem sosial daripada etnik minoriti seperti etnik Rungus, elemen budaya sebagai falsafah dalam membentuk motif rekaan bukan sahaja menjadikannya sebagai satu simbol yang unik serta kreatif kesan adaptasi dari sumber alam dan pengalaman pereka itu sendiri. Bahkan, ia turut memainkan peranan yang penting dalam sistem sosial masyarakat Rungus dan bertindak sebagai satu medium interaksi bagi mezhahirkan perlambangan, kepercayaan dan memberi makna kepada rekaan yang dihasilkan. Selain itu, ia turut mencerminkan identiti budaya, adat dan kepercayaan animisme bagi menzhahirkan kecantikan serta mempunyai tujuan riual mengikut simbol-simbol motif yang dihasilkan (Ismail Ibrahim, 2011).



Isu penggunaan elemen budaya sering digunapakai oleh sebilangan pengkarya, ahli akademik, ahli teori, ahli sains dan juga sosial. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan mengenai penggunaan elemen budaya ini lebih menjurus kepada faktor asas apresiasi seni yang mempengaruhi subjek, bentuk dan makna terhadap kumpulan sasaran tertentu sebagai contoh pada kajian Aziz, N.M.A., & Embong, R. (2016) dan Che Yusof, N.S., & Mahamood (2016). Elemen pengaruh budaya ini mula mendapat tempat dikalangan pengkarya revivalis dalam mencari identiti seni bangsa.

Namun, terdapat juga pengkaji lain yang turut mengaplikasikan isu budaya dalam kajian mereka yang merujuk kepada teori ikonografi dalam menilai reka corak tradisional. Hal ini dapat dilihat pada kajian yang dilakukan oleh Musa, M. F. A., & Jusilin, H (2018) yang membuat analisa dengan menggunakan konsep ikonografi terhadap motif tradisional yang terdapat pada alatan senjata oleh suku kaum di Sabah. Manakala Riyanto, S. (2019) juga menilai motif reka corak yang berunsurkan dekoratif candi dengan merujuk konsep ikonografi bagi mengenal pasti jenis-jenis ornament yang mempunyai unsur deskriptif dan arkeologi.

Berbeza dengan kajian ini yang mana ia merupakan satu analisis dan eksplorasi daripada simbol-simbol yang terdapat pada motif tradisional etnik Rungus terhadap pembangunan reka bentuk perabot arca. Simbol-simbol inilah yang akan memainkan peranan penting dalam konsep reka bentuk perabot arca yang dihasilkan bagi membawa identiti Rungus sebagai sebuah seni artifak budaya yang menjadi ikon kepada masyarakat Rungus. Simbol dalam motif tradisional Rungus ini juga turut dijadikan sebagai satu medium komunikasi dalam menyampaikan pengetahuan dan falsafahnya yang tersendiri. Malah, isu mengenai amalan kodori yang telah jauh ditinggalkan oleh masyarakat moden juga turut menjadi inti pati bagi mengangkat amalan kepercayaan



terhadap elemen mistik yang dipegang oleh etnik ini kedalam hasil penciptaan karya pengkaji.

Kajian yang lebih mendalam ini telah dilakukan terhadap beberapa elemen motif dengan melihat konteks simetri melalui aspek formalistik yang dapat dijumpai dalam reka corak motif yang menjadi ikon kepada etnik Rungus. Isu-isu budaya disampaikan dalam bentuk penghasilan karya perabot arca bersiri pastinya berbeza daripada kajian-kajian lain yang mana ia akan mengubah persepsi dan gaya hidup masyarakat kearah rekaan bersifat kontemporari. Rekaan yang dihasilkan turut mengaplikasikan unsur sosial dan budaya dalam falsafah rekaan dengan menekankan nilai keindahan dalam konsep rekaan dan menjadikanya begitu popular sebagai sebuah karya seni yang praktikal. Malah, ia mampu menjadi satu fenomena baharu dalam membentuk karakter yang artistik terhadap perkembangan reka bentuk perabot di seluruh dunia.

Secara kesimpulannya, pengaruh budaya yang diperoleh daripada masyarakat mencakupi pelbagai aspek seperti adat istiadat, kepercayaan, norma artistik yang mana ia merupakan kesenian warisan tunggal yang harus dilestarikan di kalangan masyarakat moden kini. Artifak seni ini biasanya dilihat sebagai hasil kraf tangan yang bersifat dekoratif tanpa mahu menyelami pengertian seni kontemporari dan ianya perlu dimajukan. Menurut Yokochi, S., & Okada, T. (2020), istilah “idea” dan “konsep seni” dalam konteks seni kontemporari digunakan bagi menghasilkan karya seni yang akan memberikan kesan jangka panjang terhadap pengaruh aktiviti seni. Oleh itu, dengan mengangkat seni warisan tradisional ini akan mampu menghasilkan karya yang dapat menerapkan nilai-nilai seni budaya dan mejadikannya sebagai sebuah ikon yang dikenali.



1.3 Objektif Kajian

Penyelidikan ini secara khususnya, bagi mengkaji budaya etnik Rungus yang mempunyai kepelbagaian motif tradisional yang dapat dieksplorasikan dengan lebih meluas. Motif-motif ini dikaji dengan teliti bersandarkan kepada peringkat asas dan peringkat ikonografi yang menekankan kepada ikon yang dapat dikenalpasti di dalam motif Rungus dan menjadi salah satu elemen kepada pengkaji sebagai ilham dalam pembangunan reka bentuk perabot yang bersifat artistik. Metafora dalam proses pembentukan reka bentuk daripada ikon tradisi ini, akan mengukuhkan lagi identiti budaya dengan mensintesis maklumat motif etnik ke dalam rupa bentuk perabot arca yang akan dicadangkan. Objektif khusus yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah:

- i. Menganalisis elemen bentuk motif dominan yang diadaptasi daripada alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, binatang dan unsur animisme yang dapat dikaitkan dengan sistem amalan dan kepercayaan dalam budaya etnik Rungus.
- ii. Mengenal pasti elemen bentuk geometri dan simetri Rungus melalui motif daripada pakaian tradisional yang mempengaruhi reka corak dalam konteks budaya dan amalan sosial masyarakat Rungus.
- iii. Ekplorasi bentuk motif dalam penghasilan karakter karya perabot arca berdasarkan imej atau ikon Rungus yang mengutamakan konsep pengulangan keseimbangan, dan elemen harmoni.





1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif, antara persoalan kajian yang dibina adalah seperti berikut:

- i. Apakah bentuk elemen motif dan makna disebalik reka corak yang dihasilkan oleh etnik Rungus?
- ii. Bagaimanakah elemen formalistik daripada motif Rungus dikenalpasti dalam reka coraknya?
- iii. Bagaimanakah proses eksplorasi daripada bentuk motif menjadi sebuah karya yang dapat membawa identiti budaya etnik Rungus?

1.5 Garis Panduan Projek



Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk menghasilkan satu siri perabot arca berdasarkan tema eksplorasi budaya dan motif yang terdapat dalam kesenian etnik Rungus melalui penggunaan ikon dalam menyampaikan pemaknaan yang implisit terhadap sistem amalan dan kepercayaan masyarakat ini. Kajian studio ini dicetuskan melalui inspirasi daripada motif-motif etnik Rungus yang diolah dan digarap menjadi suatu konsep rekaan yang baharu terhadap pembentukan reka bentuk perabot yang artistik dan eksklusif. Ia juga merupakan satu medium bagi pengkarya berinteraksi dalam mezhahirkan perlambangan dan memberi pengetahuan dalam memperkenalkan sesuatu identiti untuk dipopularkan dari aspek kepercayaan dan falsafahnya melalui rekaan yang dihasilkan.



Berdasarkan hasil daripada kajian literatur pada kontekstual isu dan bahagian teori kajian, ia dapat dibahagikan kepada tiga fasa iaitu;

- Fasa 1 : Menilai fenomena budaya dan gaya hidup masyarakat etnik Rungus berdasarkan sistem amalan dan kepercayaan mereka terhadap pengaruh persekitaran yang membentuk reka corak motif Rungus.
- Fasa 2 : Menganalisa makna dan simbol ikon yang membentuk karakter setiap motif etnik Rungus yang melibatkan aktiviti dan amalan ritual masyarakat ini.
- Fasa 3 : Mengolah dan menstrukturkan satu konsep reka bentuk perabot arca yang digayakan secara abstrak dengan pendekatan konsep pengulangan dan imbalan simetri yang membawa kepada identiti dan falsafah etnik Rungus dalam bentuk komunikasi visual.

Kajian studio ini dilakukan melalui penghasilan konsep perabot arca dengan mengaplikasikan elemen yang terdapat pada motif etnik Rungus sebagai subjek kajian dalam pembentukan karya pengkaji. Kajian lapangan dilakukan di lokasi perkampungan etnik Rungus bagi mendapatkan koleksi dan maklumat mengenai aktiviti budaya dan kesenian etnik Rungus dengan lebih jelas. Dengan menggunakan camera digital, kesemua koleksi gambar yang diperolehi dianalisa dengan terperinci dan diolah dengan menggunakan kaedah manipulasi imej menjadi bentuk 3 dimensi secara abstrak dan kontemporari. Penggunaan perisian Adobe Photoshop, Illustrator dan Maya digunakan dalam memanipulasikan setiap imej sepanjang proses penjanaan idea dihasilkan. Kaedah ini dapat membantu proses melihat dan menggambarkan keseluruhan struktur sebelum ia dibangunkan.



Beberapa elemen seperti pengulangan, rupa, bentuk, dan penggunaan warna yang terdapat pada setiap ikon dalam kesenian Rungus dimanipulasikan karakter asalnya daripada sifat 2 dimensi kepada pembentukan struktur 3 dimensi agar kesan volume terhadap karya dapat dihasilkan. Selain itu, beberapa bahan dan media campuran diaplikasikan dalam proses pembangunan karya. Teknik fabrikasi prototaip dibangunkan dengan menggunakan bahan seperti besi, kayu getah (*finger joint*) dan akrilik sebagai bahan utama yang telah dimodifikasikan bagi menghasilkan sifat dan fungsi yang baharu. Walaubagaimanapun, bahan utama seperti logam besi menjadi pilihan utama dalam sebahagian karya pengkaji. Selain itu, karya ini juga dibentuk dengan menggunakan teknik kimpalan logam dan penyambungan *bolt & nut* bagi proses penyambungan struktur asas dalam rekaan.



Bentuk- bentuk geometri yang diterapkan dengan gaya yang berbeza adalah melalui kaedah manipulasi imej daripada karakter asalan motif. Struktur reka bentuk yang dihasilkan ini juga turut mempunyai makna tersirat yang cuba disampaikan oleh pengkaji dalam penghasilan karya ini sebagai representasi kepada sistem amalan kodori dan kepercayaan terhadap unsur-unsur anamisme di kalangan masyarakat Rungus. Hal ini merupakan elemen penting dalam membawa identiti Rungus dalam pembangunan karya. Selain itu, elemen simetri yang didasari oleh konsep pantulan daripada pembentukan motif Rungus juga digarap menerusi kaedah media campuran yang turut menggabungkan dua prinsip utama iaitu, pandangan tampak dan praktikaliti bagi merialisasikan pembentukan perabot arca. Melalui gabungan jalinan, susun atur, dan kombinasi dekorasi memberikan nilai estetika dalam pengayaan karya yang dihasilkan dan dapat menimbulkan karakter budaya Rungus dengan lebih jelas.





Maka, dapat dirumuskan bahawa isu berkaitan budaya etnik ini dan keseniannya memainkan peranan yang penting dalam membawa falsafah dan sistem kepercayaan mereka sebagai satu nilai seni warisan yang harus dikekalkan. Metafora dalam proses pembentukan reka bentuk daripada ikon tradisi ini, akan mengukuhkan lagi identiti budaya dengan mensintesiskan maklumat motif etnik ini ke dalam rupa bentuk perabot arca yang dibangunkan. Selain itu, ia juga berperanan sebagai satu simbolik bagi menyampaikan makna implisit kepada masyarakat tentang falsafah reka corak yang berunsurkan amalan anamisme di kalangan masyarakat ini. Kajian ini juga menjadi titik tolak kepada pengayaan baharu dalam konsep reka bentuk perabot sedia ada dengan menonjolkan ikon Rungus sebagai satu elemen terpenting dalam karya seni perabot arca yang bersifat artistik dan novelti.



1.6 Skop Kajian

Kajian penyelidikan ini adalah berdasarkan budaya etnik Rungus dan keseniannya yang mempunyai kepelbagaian motif tradisional yang dapat dieksplorasikan dengan lebih meluas dalam konteks reka bentuk perbot arca. Fokus kajian adalah melibatkan aspek analisis formalistik terhadap bentuk-bentuk motif yang menjadi medium komunikasi bagi menyampaikan pemaknaan implisit terhadap sistem amalan dan kepercayaan berdasarkan aktiviti masyarakat ini. Selain itu, eksplorasi kajian juga hanya tertumpu kepada motif-motif yang terdapat pada warisan kesenian tenunan dan sulaman manik Rungus sebagai salah satu aksesori dan pakaian rasmi masyarakat ini.





Penyelidikan ini dilakukan ke atas budaya masyarakat etnik Rungus di sekitar Kudat, utara Sabah yang menghasilkan motif-motif tradisonal yang diinspirasi daripada idea kreatif tukang kraf berdasarkan pengaruh persekitaran dan amalan kepercayaan anamisme yang mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Kajian ini juga dilakukan ke atas motif-motif dan ikon Rungus yang berunsurkan aplikasi asas geometri dan imbalan simetri yang terbentuk dari susunan benang dan manik semasa proses ia dihasilkan. Imej dan penggunaan warna yang dihasilkan pada pakaian etnik Rungus juga merupakan satu interaksi simbol yang dapat mempengaruhi kepercayaan terhadap kewujudan unsur spiritual dan ianya amat popular di kalangan masyarakat ini.

Kajian ini juga tidak digeneralisasikan kepada semua etnik di negeri Sabah.

Karya yang dihasilkan juga dipersembahkan sebagai sebuah perabot arca yang mengikat nilai estetika lebih tinggi dalam konsep reka bentuknya. Maka, rekaan ini hanya direka khusus sebagai satu objek seni dalam menyampaikan informasi dan penghayatan kepada masyarakat. Ia bukan untuk tujuan pengilangan secara komersial.





1.7 Signifikasi Kajian

Projek penyelidikan ini adalah satu kajian yang menjurus kepada pembentukan konsep baharu terhadap reka bentuk perabot arca, sebagai satu interaksi simbol dengan gaya yang tersendiri bagi mewujudkan kesinambungan di antara elemen budaya etnik Rungus dalam rekaan yang lebih bersifat kontemporari seiring dengan trend reka bentuk perabot terkini. Selain itu, projek penyelidikan ini juga amat menekankan aspek eksplorasi dan manipulasi terhadap simbol yang terdapat di dalam motif tradisional Rungus sebagai satu ikon yang akan menjadi identiti dalam rekaan karya yang dihasilkan. Malah, penyelidikan ini juga penting dalam menyumbang pengetahuan dan kefahaman masyarakat luar terhadap budaya etnik minoriti yang masih mengamalkan sistem dan amalan kepercayaan berdasarkan pengaruh persekitaran yang berkaitan dengan unsur anamisme.



Selain itu, kajian ini turut melibatkan penggunaan imej motif dengan aplikasi teknik simetri dan pengulangan imej yang dapat dipelbagaikan karakter serta struktur reka bentuknya di dalam hasil karya ini. Ia melibatkan analisis daripada unsur geometri yang menjadi faktor menyokong perkaitan antara aspek formalistik dan prinsip simetri bagi penghasilan komposisi reka bentuk karya pengkaji. Justeru, adalah mustahak untuk mengisi jurang kekurangan penyelidikan terhadap penggunaan ikon daripada motif-motif Rungus yang bersifat geometri dan simetri terhadap pembangunan reka bentuk perabot yang artistik. Hal ini bukan sahaja menyentuh soal keindahan, malah ia harus memberikan inspirasi, menyedarkan, membias serta mencabar imaginasi bagi mencapai makna karya yang terhasil sebagai satu representasi kepada kerapuhan budaya etnik Rungus yang semakin di telan zaman.





Penyelidikan ini juga merupakan satu inovasi bagi menambah kepelbagaian teknik dalam industri reka bentuk perabot dan seni halus. Ia turut dapat memberi sumbangan kepada penghasilan gabungan di antara reka bentuk dan kefungsiian pada bidang reka bentuk perabot arca dalam menyampaikan mesej yang jelas bagi memanifestasikan budaya dan kesenian yang terdapat di Malaysia. Malah rekaan ini juga dapat menjelmakan keindahan estetika dan mampu menyentuh interaksi sosial dan aktiviti masyarakat setempat. Ia juga merupakan satu kaedah dan penerokaan yang mampu menjadi rujukan kepada pereka yang ingin meneruskan kajian dalam bidang yang sama.

Selain itu, projek ini juga turut menggunakan tiga pendekatan utama dalam komponen organik terhadap penghasilan simbol budaya di dalam hasil karya. Ia turut membawa kepada elemen seperti bentuk, subjek dan makna. Malah, pendekatan ini turut dapat dilihat dalam beberapa karya daripada artis rujukan yang turut mempraktikan unsur budaya di dalam rekaannya. Antaranya adalah Isamu Naguchi yang mengadaptasi budaya jepun ke dalam seni barat dengan bentuk-bentuk organik, geometrik dan secara abstrak dengan menyatakan bahawa penggunaan bahan berteknologi tinggi dalam karya beliau telah menghasilkan bentuk tanpa bayang dan menjadikan sebagai salah satu elemen dalam hasil karyanya. Manakala pengkaji pula mengadaptasi elemen geometri daripada etnik Rungus dengan menggunakan bahan seperti kayu dan besi sebagai medium utama bagi melambangkan keutuhan terhadap kepercayaan anamisme yang dipegang oleh masyarakat ini dengan teknik pembuatan secara konvensional.

Selain itu, antara artis yang dapat dilihat menggunakan elemen budaya dalam karyanya juga adalah Byung Hoon Choi. Pengaruh dan eksplorasi budaya yang diterapkan bersama dengan penggunaan bahan dan teknik yang unik ini telah menjadi



simbolik kepada penghasilan karyanya. Pengkaji turut menggabungkan beberapa teknik oleh artis ini serta penggunaan bahan yang bersesuaian dalam penghasilan karya pengkaji. Perbezaan di antara karya pengkaji adalah elemen struktur reka bentuk yang diterapkan adalah berasaskan daripada motif pada permukaan tekstil, namun karya *'Traditional Korean lacquer'* oleh Byung Hoon Choi pula telah dihasilkan melalui dua media iaitu lakuer tradisi dan basalt yang bertemakan air daripada warisan Korea sebagai ilham dalam mengeksplorasi tradisi mereka. Elemen yang digunakan ini turut sama membawa kepada maksud tersirat representasi kepada kerapuhan budaya yang ingin disampaikan dalam karya pengkaji dan artis rujukan.


Secara kesimpulannya, ikon budaya yang dihasilkan di kalangan masyarakat Rungus merupakan satu kesenian warisan yang berfungsi sebagai satu medium komunikasi visual di antara tukang kraf dan masyarakat dalam menyampaikan maklumat. Oleh itu, kajian ini merupakan satu pembaharuan terhadap revolusi kesenian motif tradisional Rungus kepada pembentukan reka bentuk perabot arca dengan membawa identitinya kedalam penghasilan karya. Malah, dalam bidang reka bentuk industri perabot, kajian ini juga turut mempengaruhi keseluruhan olahan reka bentuk perabot konvensional kepada pembangunan reka bentuk perabot yang bersifat artistik menerusi elemen motif Rungus sebagai subjek kajian.

1.8 Kerangka Konseptual

Berpandukan kajian studio praktis yang dijalankan oleh pengkaji, ia adalah berasaskan daripada '*practice-based research*' iaitu satu kaedah amalan kreatif dan berteraskan kerja studio (Sullivan, 2007). Kaedah ini melibatkan kajian ke atas imej visual daripada motif tradisional etnik Rungus sebagai medium utama dalam penerokaan penyelidikan pengkaji. Candy, L., & Edmonds, E. (2018) dan Marchall, J. (2007) turut menyatakan bahawa terdapat pelbagai tafsiran dan dimensi yang berbeza terhadap amalan ini yang mana ia tidaklah menitik beratkan kepada penjanaan maklumat baharu sahaja, tetapi dengan maklumat sedia ada yang diterjemahkan semula bagi mengubah persepsi dan tafsiran ke atas transformasi ke arah satu penerokaan yang meluas dan baharu.

Dalam eksplorasi kajian ini, pengkaji turut menitik beratkan beberapa penjanaan idea baharu dan mentransformasikan idea rekaan ke arah pembaharuan dalam konteks reka bentuk perabot yang artistik. Hekkert (2006), menjelaskan fungsi produk yang sangat baik mampu memberi pengalaman seperti menghayati, memberi inspirasi, memperkaya, mengukuh jati diri dan sebagainya. Melalui pengalaman keseluruhan, ia merupakan satu tugas yang penting bagi pengkaji dalam mereka bentuk satu konsep reka bentuk perabot arca yang baharu bagi menarik minat pengguna dalam menyampaikan mesej yang tersirat dan membawa identiti Rungus ke dalam hasil karya.

Rajah 1.14 di bawah menerangkan kerangka konseptual yang dibangunkan berdasarkan beberapa aspek utama iaitu penyelidikan kontekstual, metodologi dan analisis.



Rajah 1.14. Kerangka konseptual kajian pengkaji.

Berdasarkan kerangka konseptual kajian, ianya merujuk kepada beberapa unsur utama yang membentuk struktur rekaan asas berdasarkan kesenian etnik Rungus yang dapat menggambarkan simbol budaya dan sistem kepercayaan yang sangat popular di kalangan masyarakat minoriti ini. Interaksi simbol sebagai satu medium komunikasi



berdasarkan ritual yang berkaitan dengan amalan anamisme dan pengaruh persekitaran telah membentuk kepelbagaian bentuk motif etnik Rungus yang dapat dikenalpasti:

- i. Bentuk motif berdasarkan inspirasi daripada sumber alam dan persekitaran.
- ii. Bentuk motif berdasarkan kepercayaan anamisme terhadap kuasa dan semangat ghaib.
- iii. Bentuk motif berdasarkan sistem sosial dan amalan tradisi etnik Rungus.

Dari perspektif metodologi dan analisis pula ia merujuk kepada satu proses yang dihasilkan berdasarkan beberapa aspek yang terkandung dalam penyelidikan studio praktis. Berdasarkan studio praktis ini, terdapat 3 aspek utama yang dibincangkan dan dianalisis secara kritikal iaitu:

- i. Menggunakan kaedah analisa fromalistik dan interpretasi konteks dalam mengenalpasti karakter, memahami ciri-ciri motif dan pemaknaanya.
- ii. Eksperimentasi studio bagi menghasilkan karya bersiri yang menjurus kepada konteks kajian.
- iii. Ulasan kontekstual berdasarkan aktiviti kritikan daripada pakar bidang dan ahli akademik terhadap hasil karya pengkaji bagi proses penambahbaikan dan cadangan idea yang baharu.





1.9 Tinjauan Karya terdahulu

Dalam kajian yang terdahulu, pengkaji telah berjaya menghasilkan beberapa karya dan idea konsep yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang sedang dikaji. Kebanyakan karya yang dihasilkan adalah berdasarkan elemen yang telah diadaptasi daripada sumber alam dan budaya masyarakat setempat sebagai ilham dalam berkarya. Pengalaman dan minat pengkaji dalam meneroka sumber persekitaran sebagai inspirasi telah banyak mempengaruhi dan membantu pengkaji menghasilkan konsep idea yang pelbagai dan unik. Sepanjang tempoh kajian lampau yang telah dijalankan, pengkaji mendapati sumber alam ini merupakan salah satu kaedah yang berkesan bagi menghasilkan idea yang lebih kreatif dan novelti tanpa meniru mana-mana produk sedia ada di pasaran.



Terdapat beberapa jenis karya yang telah dihasilkan oleh pengkaji sendiri, antaranya terdiri daripada reka bentuk perabot, produk, lukisan dan seni arca. Kesemua karya ini telah dihasilkan pada peringkat pertama ijazah sarjana muda dan peringkat sarjana di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Pada tahun 2009, 2010, 2011 dan 2012, kesemua reka bentuk karya yang dihasilkan ini adalah kesinambungan kajian inspirasi daripada organisma daripada flora dan fauna antaranya seperti rama-rama, terumbu karang, periuk kera dan kumbang sebagai elemen dalam pembangunan reka bentuk yang baharu. Salah satu karya pengkaji adalah seperti Gambar rajah 1.15 dibawah. Imej yang dipaparkan merupakan antara koleksi hasil karya yang dibuat secara digital dengan menggunakan perisian *Solid Work*.





Rajah 1.15. ‘Butterfly lighting’, 3 dimensi ilustrasi, 2009, *Solid Work*, 21 x 29 cm.

Karya ini bertemakan ‘*Butterfly lighting*’, yang dihasilkan pada tahun 2009. Hasil reka bentuk ini adalah berdasarkan elemen daripada abdomen serangga iaitu rama-rama dan ia direka sebagai produk lampu hiasan. Karakter yang dipersembahkan adalah secara ilustrasi bagi menggambarkan konsep idea yang ingin disampaikan. Karya ini direka dalam konteks reka bentuk industri yang mana lebih memfokuskan kepada keperluan pengguna. Kajian ini juga telah melalui beberapa fasa proses reka bentuk sehingga ke peringkat prototaip pada skala yang sebenar. Pengkaji juga banyak



merujuk karya-karya terdahulu dalam proses menghasilkan idea. Antaranya seperti pereka Antonio Bonet, Juan Kurchan dan Jorge Ferrari Hardoy yang telah mereka kerusi rama-rama sekitar tahun 1938, serta beberapa pereka rujukan lain yang banyak menghasilkan reka bentuk berdasarkan subjek inspirasi yang sama dengan pengkaji.

Produk lampu ini sengaja direka dengan menampilkan karakter kepak rama-rama yang bersifat 2 dimensi dan dibangunkan dalam bentuk 3 dimensi bagi memberikan volume kepada karya yang dihasilkan. Kesan bayangan yang terhasil apabila cahaya dikenakan menambahkan keunikan produk ini kepada pengguna malah ia juga mampu dilihat sebagai sebuah arca. Bahan yang digunakan semasa proses penghasilan prototaip adalah gabungan besi keluli sebagai struktur rangka dan gentian kaca pada bahagian badan produk. Hasilnya, sebuah lampu hiasan yang bersifat artistik terhasil dengan jayanya oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga telah menghasilkan sebuah kerusi yang turut diilhamkan daripada sumber alam. Projek ini dibangunkan pada tahun akhir pengkaji sebagai pelajar sarjanan muda di dalam bidang reka bentuk perindustrian.

Kali ini, pengkaji menggunakan terumbu karang sebagai subjek kajian dalam menghasilkan kerusi berbentuk abstrak. Ia dipilih sebagai subjek kajian kerana pengalaman peribadi pengkaji ketika melakukan aktiviti sukan laut dan secara tidak langsung telah melihat potensi bentuk terumbu karang yang mampu dieksplorasikan dengan lebih meluas. Terumbu karang juga merupakan satu hidupan laut yang jarang digunakan oleh pereka tempatan sebagai sumber rujukan bagi menghasilkan rekaan perabot. Pelbagai olahan bentuk dan rupa berjaya diolah berkonsepkan ciri-ciri terumbu karang, malah dalam penghasilan prototaip sebenar juga, pengkaji mampu






mengekalakan karakter asalnya menjadi sebuah perabot kerusi yang unik dan kontemporari.

Model ini direka dengan menggunakan perisian *solid work* bagi melihat karakter yang dapat dihasilkan secara kesuluruhannya. Ia direka dengan struktur rekaan yang solid dan mempunyai lubang di tengah-tengah, bagi menggambarkan elemen yang terdapat pada permukaan terumbu karang. Proses pembuatan prototaip bagi model ini agak rumit kerana pengkaji menggunakan teknik manual dalam proses penghasilannya. Gabus putih diukir secara manual sebagai struktur binaan dan penggunaan gentian kaca menyelaputi keseluruhan badan perabot adalah bertujuan bagi mengukuhkan lagi struktur asasnya. Kemasan produk dicat berkilat dengan warna terang bagi menarik minat pengguna. Model rekaan perabot ini berbentuk abstrak dan kelihatan moden jika diletakkan di tempat awam. Gambar rajah 1.16 di bawah, merupakan '*coral chair*' yang telah dihasilkan oleh pengkaji.





Rajah 1.16. 'Coral Chair', 3 dimensi, 2009, ilustrasi *Solid Work*, 21x29cm.

Karya seterusnya, pengkaji telah menghasilkan lukisan idea bagi produk termos air. Produk ini juga berdasarkan elemen daripada pokok periuk kera (*Nepenthes*) iaitu, sejenis tumbuhan karnivor. Pemilihan subjek kajian ini dilakukan oleh pengkaji






sewaktu melakukan kajian lapangan di hutan simpan Kerachut, Pulau Pinang. Sepanjang berada di hutan simpan berkenaan, terdapat banyak tumbuhan liar, namun, spesies periuk kera ini telah menarik perhatian pengkaji untuk dikembangkan menjadi konsep rekaan pengkaji.

Pokok periuk kera ini telah dipilih sebagai subjek kajian kerana sifatnya yang mempunyai elemen semula jadi yang unik dan mampu menakung air bersesuaian dengan fungsi produk yang ingin dihasilkan. Melalui aktiviti ini, pelbagai konsep idea kreatif dapat dicetuskan oleh pengkaji. Lakaran yang dihasilkan oleh pengkaji menekankan konsep rekaan yang ergonomik terhadap keselesaan pengguna.

Setiap karakter seperti bentuk, warna, tekstur, dan sifat periuk kera ini dikaji dengan teliti bagi melihat sejauh mana elemen yang terdapat pada tumbuhan ini mampu diadaptasi dengan baik ke dalam rekaan yang ingin dihasilkan. *Thumbnails sketches* dengan menggunakan medium kertas hitam, pensil putih dan pena hitam digunakan dalam proses ilustrasi. Gambar rajah 1.17 di bawah adalah hasil sebahagian koleksi lukisan konsep reka bentuk termos air yang dinyatakan.





Rajah 1.17. Lakaran termos air inspirasi daripada pokok periuk kera, 2010, pensel putih dan pen hitam, 29.7 x 42 cm.





Selain itu, antara karya yang dihasilkan oleh pengkaji adalah berkonsep arca awam. Namun, arca ini dibangunkan dalam konteks reka bentuk industri. Karya ini merupakan hasil pemerhatian terhadap organisma serangga iaitu kumbang tanduk atau nama saintifiknya *Oryctes nasicornis* sebagai subjek kajian. Kumbang tanduk dipilih kerana, terdapat pelbagai karakter dan bentuk yang menarik pada perincian abdomen serangga tersebut yang bertepatan dengan konsep *Biomorphic* yang digunakan pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan.

Cara hidup dan pergerakan serangga tersebut diperhatikan dengan terperinci dan diadaptasi menjadi olahan idea yang pelbagai. Elemen yang terdapat pada kumbang ini telah berjaya diadaptasi semula oleh pengkaji untuk dijadikan struktur rangka bagi memperlihatkan karakter kumbang dengan lebih jelas. Hasil daripada kajian ini, pengkaji berjaya menghasilkan konsep kerusi seperti bentuk seekor kumbang dan dapat dihayati seperti sebuah arca.

Konsep reka bentuk yang dihasilkan ini lebih menekankan kepada interaksi sosial masyarakat dengan aktiviti semasa. Reka bentuk yang dihasilkan mengambil kira faktor ergonomik dan kesesuaian bahan terhadap persekitaran. Bahan seperti rod besi digunakan sebagai struktur bagi menampung beban pengguna, manakala bahagian tempat duduk diperbuat daripada gentian kaca agar lebih kukuh dan stabil. Gambar rajah 1.18 di bawah merupakan tiga buah arca yang telah dihasilkan oleh pengkaji sendiri.





Rajah 1.18. *Rhinoceros Chair*’, 2011, Gentian kaca dan besi rod, 130 x 40 cm.

Sekitar tahun 2007, pengkaji juga telah menghasilkan beberapa hasil karya dan sebuah arca yang berunsurkan motif etnik daripada kaum Iban di Sarawak. Pengkaji amat tertarik dengan budaya dan keunikan yang terdapat di negeri tersebut sewaktu





menjalankan kajian lapangan di sana. Secara tidak langsung, sedikit sebanyak pengkaji telah mendalami dan mempelajari tatacara kehidupan dan budaya masyarakat Iban dengan lebih mendalam. Gambar rajah 1.19 dibawah merupakan arca yang dibangunkan bertemakan subang tembaga tradisi yang dipakai oleh etnik Iban di Sarawak. Arca ini dihasilkan bagi membawa penceritaan dan perlambangan mengenai amalan budaya dan nilai keindahan yang terdapat dalam etnik ini. Subang tembaga dipilih sebagai subjek kajian kerana ia merupakan satu pendekatan budaya yang sangat asing kepada masyarakat di tanah semenanjung.

Elemen pada subang ini seperti jisimnya yang berat dan diperbuat daripada logam jenis tembaga telah memberikan satu karakter yang unik kepada si pemakai. Telinga si pemakai juga berubah menjadi panjang dan lubang pada telinga juga menjadi besar sehingga mampu memuatkan saiz subang yang sememangnya luar biasa besar berbanding subang komersial. Keindahan nilai yang terdapat pada kraf ini membuatkan pengkaji telah menterjemahkan ekspresi ini ke dalam hasil karya dengan menghasilkan sebuah arca daripada bentuk subang yang sebenar dengan saiz sekitar 200 x 25 cm. Arca ini diperbuat daripada bahan gabus dan disaluti dengan menggunakan simen sebagai bahan asas dalam proses pembuatannya. Manakala warna emas adalah kesan daripada sapuan akrilik pada permukaannya bagi menghasilkan seolah-olah warna tembaga yang sebenar. Secara keseluruhan arca ini, ia merupakan sebuah karya yang dapat memberikan impak terhadap penekanan amalan budaya yang jarang-jarang dapat dilihat di sekitar bandaraya di tanah semenanjung.





Rajah 1.19. 'Arca Subang', 2007, gentian kaca, 200 x 25 cm.

Selain itu, pengkaji juga telah menghasilkan lukisan panel siri I dan II, iaitu kesinambungan daripada karya arca subang yang pertama dihasilkan oleh pengkaji. Karya panel ini merupakan olahan ekspresi pengkaji dalam menyampaikan pemahaman tentang budaya dan kepercayaan yang terdapat dalam etnik Iban. Imej makhluk yang terdapat pada karya pengkaji adalah rujukan daripada dewa kecantikan. Imej ini membawa kepada perlambangan dan kepercayaan anamisme terhadap unsur kejelitaan sebagai amalan kepercayaan masyarakat ini. Oleh itu, pengkaji menghasilkan tiga buah panel bagi siri I, dan dua buah panel bagi siri II yang bersambung bagi mengekspresikan idea yang ingin disampaikan kepada penonton.



Rajah 1.20. 'Beauty in Borneo Siri I', 2007, media campuran, 121 x 182 cm.

Jika dilihat, kesemua karya yang dihasilkan ini adalah bertemakan konsep kecantikan yang diamalkan secara tradisional oleh masyarakat etnik ini. Simbolik daripada hasil karya ini adalah berkaitan dengan kesakitan yang harus dihadapi oleh para wanita dengan menggunakan subang tembaga yang berat sehingga menyebabkan telinga mereka memanjang ke bawah. Bagi kepercayaan etnik ini, ia dikatakan mampu menyerlahkan lagi kejelitaan mereka dengan menggunakan subang yang berat dan menyakitkan walaupun ia telah merubah sifat fizikal telinga itu sendiri.



Rajah 1.21. 'Beauty in Borneo siri II', 2007, media campuran, 91 x 121 cm.

Jika dilihat pada rajah 1.20 dan 1.21 di atas, imej berbentuk telinga yang panjang dan runcing dalam karya ini merupakan simbolik kepada unsur kecantikan. Ia turut seiring dengan keadaan masyarakat moden kini yang turut menggunakan alatan kosmetik mahupun pembedahan bagi kelihatan cantik walaupun amalan itu amat menyakitkan. Pengkaji menggunakan medium campuran dan cat akrilik pada permukaan kanvas sebagai bahan asas dalam berkarya. Penggunaan warna seperti warna emas telah digunakan sebagai sentuhan pengkaji bagi menimbulkan perlambangan kepada warna asli subang tembaga. Struktur lubang telinga yang runcing



sengaja ditekankan bagi memperlihatkan beban yang terpaksa ditanggung oleh wanita yang mengamalkannya. Malah, dalam etnik Iban itu sendiri, pemakaian subang tembaga ini tidak khusus kepada wanita, malah kaum lelaki juga turut mengenakannya sebagai aksesori pada tubuh si pemakai.

Kesimpulannya, penghasilan karya dalam kajian ini adalah merupakan olahan daripada pemerhatian pengkaji terhadap sumber alam seperti flora dan fauna serta pengaruh budaya dalam penghasilan pembentukan konsep reka bentuk setiap karya yang dihasilkan. Menerusi penyelidikan ini, dapat ditunjukkan bahawa sumber alam memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi daya imaginasi dan kognitif pengkarya terhadap revolusi reka bentuk sedia ada kepada pembentukan yang lebih artistik. Namun, sejauh manakan hasil kraf tangan dan motif-motif flora dan fauna ini mampu dikembangkan dan dikekalkan identitinya dalam seni arca dan industri pembuatan perabot di negara ini dapat dikembangkan dengan lebih baik.

Justeru, melalui kesinambungan kajian ini, pengkaji mampu menghasilkan satu konsep baharu dalam penghasilan karya pengkaji. Secara tidak langsung, implikasi daripada kajian lampau yang telah dijalankan oleh pengkaji, turut memberi kesan yang mendalam terhadap olahan idea kreatif dengan menjadikan elemen persekitaran dan budaya sebagai rujukan dalam berkarya. Malah, dengan penghasilan karya-karya ini, ia juga sebagai salah satu langkah dalam memelihara dan memartabatkan keunikan khazanah seni yang sedia ada di kalangan masyarakat kita. Bahkan, ia juga akan dapat mendidik dan memberi pengetahuan baharu kepada generasi semasa dan akan datang tentang kepentingan seni warisan yang harus dikekalkan.



1.10 Perkembangan Projek Kajian

Olahan idea dalam kajian ini dikembangkan dalam beberapa siri perabot arca dengan mentafsirkan beberapa gabungan konsep dan gaya rekaan berdasarkan isu-isu yang melibatkan budaya dan kesenian etnik Rungus melalui bentuk-bentuk motif yang telah dianalisa. Pembangunan karya difokuskan pada konteks elemen motif Rungus sebagai satu medium komunikasi dalam bentuk visual yang mempunyai pengaruh kepercayaan dalam sistem sosial masyarakat ini. Kajian ini dibahagikan kepada tiga fasa dengan menghasilkan 9 buah karya utama yang mana setiap fasa diberikan penekanan yang berbeza bagi menjawab setiap persoalan kajian.

Dasar utama yang diberikan tumpuan dalam kajian ini adalah tertumpu kepada beberapa aspek iaitu:

- i. Budaya dan kesenian etnik Rungus yang diinspirasikan daripada pengaruh persekitaran dan sumber alam yang melibatkan kajian dari sudut pengamatan kreativiti tukang kraf dalam menyampaikan maklumat.
- ii. Kajian dinilai berdasarkan elemen-elemen geometri dan simetri pada struktur motif kesan daripada teknik tradisional dalam penghasilan seni tenunan dan manik Rungus.
- iii. Penerokaan kajian ke atas falsafah dan sistem sosial masyarakat Rungus terhadap motif-motif tradisional Rungus yang mempengaruhi aktiviti dan amalan kepercayaan mereka.



Kajian ini secara keseluruhannya, telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan reka bentuk perabot arca sebagai gaya pengkaryaan pengkaji. Konsep rekaan yang dihasilkan oleh pengkaji bukan sahaja mengangkat nilai estetika, namun dalam masa yang sama ia dapat memberi kefungsian kepada pengguna dalam menghayati keunikan reka bentuk yang dihasilkan. Beberapa aspek teknikal seperti perisian digital Maya dan illustrtator digunakan bagi membentuk idea 3 dimensi, penggunaan media campuran dan teknik pemasangan yang sesuai bagi setiap fasa kajian yang dijalankan dalam mengukuhkan lagi isu-isu yang telah dipilih berdasarkan konsep penyelidikan.

Pada peringkat permulaan kajian, pengkaji terlebih dahulu memahami isu budaya etnik Rungus dengan mengkaji persoalan kenapa, mengapa dan bagaimana hubungan etnik ini dengan perkaitannya terhadap sumber alam sebagai teras utama sebagai gaya hidup sosial masyarakat ini terbentuk. Oleh itu, kajian ini melibatkan konteks antropologi dan sejarah yang melibatkan perkembangan budaya dan kesenian yang mempengaruhi aktiviti dan gaya hidup masyarakat ini dikaji dengan teliti. Dapatan maklumat diperolehi menerusi internet, buku, kajian lapangan di lokasi perkampungan etnik Rungus, dan koleksi fotografi pengkaji sendiri. Analisis dijalankan terhadap kesemua motif-motif tradisional etnik Rungus yang berjaya dikumpulkan berdasarkan rujukan pada permukaan tenunan dan manik Rungus. Simbol-simbol yang membentuk motif dominan pula dipilih secara rawak dan dijalankan analisis formalistik dalam konsep simetri bagi menilai setiap karakter motif yang dihasilkan.



Kajian ini dimulakan dengan kajian lapangan di perkampungan etnik Rungus di sekitar daerah Kudat, Sabah. Pengumpulan maklumat dilakukan dengan melakukan pemerhatian dan rakaman fotografi bagi menghayati situasi sebenar tentang gaya hidup dan budaya etnik Rungus bagi mendapatkan gambaran yang sebenar dan lebih tepat dalam kajian ini. Seterusnya, imej-imej motif yang diperolehi dianalisa dan dimanipulasikan bagi membentuk satu konsep rekaan perabot arca yang unik. Eksplorasi dengan penggunaan bahan dan teknik telah dilakukan bagi menghasilkan struktur rekaan yang memuaskan dan seterusnya dapat diaplikasikan pada rekaan karya akhir pengkaji.

Sebelum memulakan prototaip pada skala yang sebenar, pengkaji telah menghasilkan lakaran 3 dimensi (*3D Sketches*) sebanyak 20 biji dengan skala 1:1000.

Ia turut dikenali sebagai *mockup* dan ia dibina dengan menggunakan bahan *artboard* dan teknik lasik bagi mendapatkan potongan yang kemas. Melalui kaedah ini, ia merupakan salah satu cara yang pantas dan mudah bagi membentuk idea secara fizikal sebelum menghasilkan prototaip pada skala yang sebenar. Pada peringkat ini, cadangan idea yang telah diolah dapat diperkemaskan lagi bagi menterjemahkan idea visual pengkaji kepada objek konkrit.

Simbol-simbol dominan pada motif Rungus yang dipilih membentuk struktur rekaan yang kompleks pada karya pengkaji. Kaedah manipulasi ini digunakan bagi menggambarkan struktur sistem amalan kepercayaan terhadap unsur anamisme yang memerlukan kepercayaan yang tinggi dan kefahaman terhadap simbol yang dihasilkan dalam masyarakat Rungus. Pengulangan imej juga diaplikasikan oleh pengkaji sebagai simbolik kepada ragam hias yang terdapat pada permukaan tenunan Rungus dan turut



membawa kepada kesenian yang diwariskan secara turun temurun di kalangan komuniti ini.

Seterusnya dalam fasa kedua kajian ini dijalankan, pengkaji lebih menumpukan kepada elemen-elemen geometri dan simetri pada struktur motif yang menjurus kepada aktiviti masyarakat Rungus. Karya-karya yang dihasilkan ini mengutarakan isu-isu dan amalan masyarakat Rungus dalam menghasilkan tenunan dan manik Rungus sebagai salah satu sumber ekonomi mereka. Kesan teknik sulaman dan susunan manik telah membentuk setiap karakter motif menjadi bentuk geometri yang pelbagai. Sebanyak 5 konsep idea telah dihasilkan dengan menggunakan perisian Maya bagi membentuk olahan idea 3dimensi. Setiap elemen yang dihasilkan adalah adaptasi dan inspirasi daripada beberapa motif yang telah dipilih sebagai struktur asas dalam karya pengkaji.



Kajian menunjukkan aktiviti kesenian teknik tenunan dan sulaman manik yang dijalankan oleh masyarakat Rungus membawa kepada pembentukan motif-motif geometri yang unik. Selain itu, ia juga turut terkandung maksud dan identiti tertentu bagi setiap motif yang dihasilkan. Dalam fasa ini, pengkaji cenderung menonjolkan bentuk-bentuk geometri yang ketara seperti bulat, segi empat, segi tiga dan unsur garisan dalam sentuhan karya bagi mewujudkan imbalan simetri. Malah ia juga berfungsi sebagai cerminan simbolik dan inspirasi daripada motif asalan. Manipulasi struktur ini akan memberikan kepelbagaian konsep rekaan dalam pameran akhir nanti.

Tujuan eksperimen ini dijalankan adalah bagi mendapatkan konsep rekaan yang lebih bersesuaian dan melihat dengan lebih tepat kriteria asas yang diperlukan bagi pembangunan karya yang seterusnya. Antara kriteria yang dicari oleh pengkaji adalah dari segi saiz ketinggian, penggunaan bahan, warna dan bentuk rekaan dan komposisi





karya yang bersesuaian dengan persekitaran semasa. Apa yang cuba digambarkan pada rekaan yang dihasilkan adalah satu struktur translasi imej yang cuba diaplikasikan oleh pengkaji dalam menjelaskan keseimbangan dan keharmonian yang wujud dalam reka corak motif Rungus sebagai asas dalam pembentukannya. Beberapa aspek perlu diambil kira sebelum pengkaji membangunkan karya secara fizikal agar konsep rekaan perabot arca dapat dihasilkan berdasarkan elemen yang telah dikenal pasti.

Manakala pada fasa yang ketiga pula, ia melibatkan penerokaan kajian ke atas falsafah dan sistem sosial masyarakat terhadap bentuk motif Rungus yang mempengaruhi aktiviti dan amalan kepercayaan mereka. Karya yang dihasilkan menunjukkan ikon yang dihasilkan mempunyai suatu unsur dan pengaruh yang kuat terhadap sesuatu ritual yang diamalkan oleh masyarakat ini. Amalan animisme yang dipercayai dikuasi oleh *osundu* (kuasa baik) yang bertanggungjawab menjaga kebajikan manusia dan *rogon* (kuasa jahat) yang sentiasa cuba memberi kesusahan kecuali jika permintaannya dipenuhi (Kntayya, 2012). Pada fasa ini, kelima-lima karya yang dihasilkan adalah berdasarkan eksperimentasi dengan mengabungkan empat jenis motif daripada etnik Rungus seperti motif *vinusak kapok* (bunga kapok), *Kinambang kiapu* (bunga kayu) dan *linopung* (corak ular sawa), *livato* (orang/hantu) yang telah diolah dan disusun menjadi komposisi utama kepada rekaan karya pengkaji.

Ketiga-tiga motif ini adalah yang paling dominan dan sering dilihat pada permukaan kraf tangan manik dan kain tenunan Rungus yang sangat popular. Bentuk geometri seperti segitiga, bulat dan garisan lurus juga digunakan bagi mewujudkan keseimbangan dan unsur harmoni dalam karya pengkaji dan ianya simbolik kepada ragam hias yang menjadi sempadan pada reka corak Rungus. Selain itu, penggunaan warna seperti hitam, merah, kuning juga merupakan elemen yang penting dan





dipercayai mempunyai unsur semangat pada si pemakai yang mengenakan pakaian tradisi masyarakat ini.

Pada fasa keempat bagi karya kelapan dan sembilan, pengkaji melakukan sedikit perubahan dari segi gaya persembahan dari sudut saiz dan karakter dihasilkan. Fokus pembangunan karya adalah berdasarkan kepada isu reka bentuk kontemporari berdasarkan elemen Rungus. Dua buah perabot arca ini berfokuskan kepada pakaian rasmi etnik Rungus yang menjadi kemestian pada setiap upacara yang dijalankan dalam masyarakat ini. Konsep perabot arca pertama yang dihasilkan berdasarkan gabungan beberapa unsur dan elemen seperti garisan, bentuk asas geometri dan translasi imej yang menonjolkan sifat jalinan yang membentuk motif pada permukaan tenunan Rungus. Manakala konsep rekaan bagi perabot arca kedua pula menampilkan reka bentuk pinakol secara bersilang yang sering di pakai oleh kaum lelaki dan wanita Rungus pada bahagian badan sebagai satu aksesori wajib dalam pakaian rasmi etnik Rungus. Kesemua karya ini dipersembahkan dalam bentuk abstrak, namun elemen dan identiti asal etnik Rungus masih dikekalkan dalam setiap bahagian rekaan.

Secara kesimpulannya, penghasilan karya dalam kajian ini merupakan eksplorasi dan adaptasi daripada pemerhatian terhadap budaya dan kesenian etnik Rungus yang dapat melambangkan gaya hidup dan sistem kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat ini. Menerusi kajian ini, dapat ditunjukkan bahawa pengaruh dan kepercayaan yang membentuk motif-motif ini memainkan peranan yang penting dalam aktiviti seharian mereka. Dengan ini, dapat dicadangkan bahawa penggunaan motif tradisional amat penting bagi memaparkan identiti budaya yang dapat dibentuk menjadi satu perlambangan dan bersifat informatif dalam memartabatkan budaya tempatan di kalangan masyarakat kini.

